



UNDANG-UNDANG KECIL

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

UNDANG-UNDANG KECIL

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

Tarikh daftar : 4.12.1967

Nombor daftar : 4361

**Alamat : B – 8032,
Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.**



AKTA KOPERASI 1993

PERAKUAN PERTUKARAN NAMA

Adalah dengan ini diperakui bahawa
Koperasi KOSMA Berhad
yang telah didaftarkan pada 4. 12. 1967 dengan nombor daftar
4361 *telah menukarkan namanya kepada*

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
melalui suatu pindaan undang-undang kecil yang pada bari ini
didaftarkan di bawah subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Ditandatangani dan dimeteraikan pada bari ini **dua puluh lapan**
baribulan **Februari** *tabun seribu sembilan ratus*
sembilan puluh **enam.**

(HAJI AHMAT MERTZA BIN HAJI SALEH)

Pendaftar Koperasi
Negeri Pahang Darul Makmur

Ruj. **JPK.PHG.:1/1007/95/(5)**



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

*Adalah dengan ini diperakukan bahawa undang-undang kecil
keseluruhan*

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

*telah dipinda melalui persetujuan mesyuarat agung tahunan
pada 26 Jun 2010 didaftarkan*

di bawah subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini
02 hari bulan November tahun dua ribu sepuluh.*

(DATO' MANGSOR B. INSAAD)
*Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

(ZAINAL ABDIN BIN AB MANAF)
*Setiausaha
Suruhanjaya Koperasi Malaysia*

Ruj: SKM.IP.(AM)7822 SJ 9 JLD 9/(5)



UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Tajuk dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

4. Nama
5. Alamat
6. Kawasan operasi

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

7. Matlamat
8. Fungsi
9. Aktiviti

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN

10. Anggota
 11. Kelayakan menjadi anggota
 12. Permohonan menjadi anggota
 13. Fi masuk
 14. Ikrar anggota
 15. Penerimaan menjadi anggota
 16. Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota
 17. Pemberian Undang-undang Kecil
 18. Penama
 19. Liabiliti anggota
 20. Hilang kelayakan sebagai anggota
 21. Terhenti menjadi anggota
 22. Menarik diri
 23. Penggantungan dan pembuangan anggota
 24. Penyelesaian wang anggota
-

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

25. Mesyuarat agung
26. Mesyuarat agung tahunan.
27. Mesyuarat agung khas
28. Notis mesyuarat agung
29. Kuorum mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
30. Undi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
31. Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung tahunan
- 31A. Pembatalan dan penangguhan mesyuarat agung khas
32. Fungsi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
33. Pengerusi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
34. Aturan tetap mesyuarat agung
35. Pengelolaan dan Pengurusan Koperasi ini
36. Pemilihan anggota Lembaga
37. Kelayakan menjadi anggota Lembaga
38. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga
39. Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga
40. Penamatan pelantikan anggota Lembaga
41. Mesyuarat Lembaga
42. Kuorum mesyuarat Lembaga
43. Urusan mesyuarat Lembaga

44. Undi anggota Lembaga
45. Resolusi Pekeliling Lembaga
46. Buku minit mesyuarat Lembaga
47. Kuasa dan kewajipan Lembaga
- 47A. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa
48. Liabiliti anggota Lembaga
49. Tugas pengerusi
50. Kewajipan timbalan pengerusi
51. Tugas setiausaha
52. Tugas bendahari
53. Jawatankuasa Audit Dalaman
54. Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman
55. Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman
- 55A. Penamatan Jawatankuasa Audit Dalaman
56. Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

57. Wang dan kumpulan wang Koperasi
 58. Modal syer
 59. Simpanan khas, deposit atau pinjaman
 60. Pindahan syer
 61. Penyelesaian modal syer
 62. Keuntungan modal
 63. Kumpulan Wang Rizab Statutori
 64. Simpanan khas
-

65. Pinjaman luar dan deposit
66. Pelaburan wang
67. Pemberian pinjaman oleh Koperasi
68. Pengagihan untung bersih teraudit
69. Dividen dan potongan langganan

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

70. Tahun kewangan
71. Penyenggaraan akaun
72. Resit dan baucar
73. Pelantikan dan kewajipan juruaudit
74. Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit
75. Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

76. Akaun bank
 77. Mohor Koperasi
 78. Pertukaran alamat anggota
 79. Penyediaan dokumen untuk diperiksa
 80. Penyerahan tugas
-

81. Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi
82. Pertikaian
83. Pemeliharaan kerahsiaan
84. Pembubaran
85. Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil
86. Bahasa yang digunakan
87. Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-undang Kecil **Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain — *

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**anggota**” termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan seseorang yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**anggota keluarga terdekat**” termasuklah isteri atau suami, ibubapa serta anak, yang sah di sisi undang-undang Malaysia, kepada seseorang anggota Koperasi ini;

“**arahan**” ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**aturan**” ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

“**dividen**” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar modal syer yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**elaun**” ertinya saraan yang dibayar kepada seseorang anggota Lembaga atau jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini sebagai balasan kerana khidmat-khidmatnya yang diberikan kepada Koperasi ini secara tetap, sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 46 (3) Akta;

“**garis panduan**” ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

“**honorarium**” ertinya suatu bahagian keuntungan bersih teraudit Koperasi yang diagihkan antara beberapa atau semua anggota Lembaga sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka yang lazimnya tidak diberi saraan,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“kawasan operasi” ertinya kawasan di mana Koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya, sebagaimana yang ditakrifkan menurut peraturan 2 Peraturan Koperasi 2008;

“kesalahan boleh daftar” ertinya kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Jadual Pertama dan Kedua kepada Akta itu;

“Koperasi ini” atau **“KOSMA”** ertinya **Koperasi Serbausaha Makmur Berhad**;

“Lembaga” ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“pegawai” berhubung dengan **“Koperasi”** ertinya seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga,

dan termasuklah ketua pegawai eksekutif, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga, Peraturan atau perintah atau Undang-undang Kecil untuk memberi arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, atau mana-mana pekerja, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**pegawai Kerajaan**” termasuklah mana-mana orang yang menerima saraan tetap, sama ada bulanan atau tahunan, daripada mana-mana pejabat, jabatan atau agensi Kerajaan atau badan berkanun;

“**pekerja**” ertinya pengurus-pengurus, eksekutif-eksekutif dan kakitangan atau mana-mana individu yang menerima gaji, upah atau imbuhan tetap bulanan daripada Koperasi ini;

“**pelantikan**” termasuklah apa-apa pelantikan atau pelantikan semula, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Pengerusi Eksekutif**” ertinya Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Peraturan**” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat”di bawah”Akta” Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“potongan langganan” ertinya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan di kalangan anggotanya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi ini dan yang daripadanya keuntungan Koperasi ini diperoleh, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“prinsip koperasi” termasuklah—

- (a) keanggotaan sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh anggota;
- (c) penglibatan ekonomi oleh anggota;
- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara koperasi; dan
- (g) mengambil berat terhadap masyarakat,

sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“pulangan” termasuklah apa-apa bentuk sewaan, pulangan, dividen atau faedah, termasuk apa-apa fi atau hadiah, yang kena dibayar atau akan diberikan berhubung dengan apa-apa urusaniaga, transaksi atau surat cara, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“rakyat Negeri Pahang Darul Makmur” ertinya mereka yang lahir dinegeri Pahang Darul Makmur, termasuklah mereka yang ibubapa atau bapa atau ibu mereka berasal atau keturunan Pahang;

“**sabit**an” termasuklah sesuatu dapatan bersalah dan pembuktian kesalahan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**simpanan khas**” ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**subsidiari**” ertinya sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh Koperasi ini, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh Koperasi ini, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**syer**” ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“tribunal” ertinya tribunal yang ditubuhkan di bawah seksyen 83 Akta Koperasi 1993;

“Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“Unit Ladang” ertinya unit-unit pelaburan yang disumbangkan oleh anggota-anggota dalam ladang Koperasi ini menurut perenggan (a) fasal (1) Undang-undang Kecil 9; dan

“wang berlebihan” ertinya tertakluk kepada Peraturan, wang yang melebihi amaun yang diperlukan oleh Koperasi ini bagi kegunaan segera sebagai modal kerja bagi perniagaannya, yang boleh didepositkan atau dilaburkan di luar Koperasi ini tanpa menjejaskan pengendalian perniagaan itu, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

Perubahan dari segi nahu, jenis jantina dan bilangan

3. (1) Jika mana-mana perkataan atau perbahasan ditakrif dalam sesuatu undang-undang bertulis, takrif itu hendaklah diperluaskan kepada segala perubahan nahu dan perbahasan kognat perkataan itu atau perbahasan yang ditakrifkan.

(2) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan yang memaksudkan jenis lelaki meliputi perempuan.

(3) Perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan tunggal meliputi bilangan jamak, dan perkataan-perkataan dan perbahasan-perbahasan dalam bilangan jamak meliputi bilangan tunggal.

BAHAGIAN II NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

4. Menurut subseksyen 7(4) dan (5) Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Serbausaha Makmur Berhad** atau nama ringkasnya **KOSMA**.

Alamat

5. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah **B 8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek, 25000 KUANTAN, Pahang Darul Makmur**.

(2) Koperasi hendaklah memberitahu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut seksyen 11 Akta.

Kawasan operasi

6. Kawasan operasi Koperasi ini ialah **Negeri Pahang** kecuali **Genting Highland**.

BAHAGIAN III MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

7. Menurut subseksyen 4(1) Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi.

Fungsi

8. Fungsi Koperasi ini ialah **Pertanian**.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti berikut:

- (a) memajukan tanah-tanah pertanian Koperasi ini menjadi ladang-ladang dan memperuntukkan ladang-ladang itu kepada unit-unit ladang berasaskan andaian keluasan kawasan yang diputuskan oleh Lembaga yang digelar Unit Ladang. Unit-unit Ladang ini bolehlah dilanggan oleh anggota-anggota dengan syarat yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa tertakluk kepada aturan-aturan berkenaan;

- (b) memajukan tanah-tanah Koperasi ini dengan projek pembangunan dan hartanah;
- (c) menyenaraikan syarikat bersekutu, subsidiari atau pelaburan-pelaburan lain Koperasi ini di Bursa Saham Kuala Lumpur atau bursa-bursa lain;
- (d) memperoleh tanah untuk dibuka dan dimajukan bagi maksud sebarang jenis perladangan atau perusahaan;
- (e) memiliki tanah dan mendirikan bangunan atau rumah-rumah kediaman dan sebagainya atau membeli rumah-rumah atau tapak-tapak rumah untuk dijual, dipajak, dicagar atau dipindahmilikkan tanah atau rumah-rumah itu kepada anggota-anggota atau bukan anggota;
- (f) membina, membeli atau menyewa kilang atau bangunan;
- (g) menjalankan aktiviti perlancongan dan perhotelan;
- (h) menjalankan perkhidmatan pengangkutan sama ada melalui darat, laut atau udara;

- (i) menjalankan fungsi-fungsi pembekal, pengedar, pemborong atau peruncit dan lain-lainnya;
 - (j) menjalankan aktiviti pengeluaran dan pengilangan;
 - (k) menjalankan aktiviti import dan eksport;
 - (l) menubuh dan menjalankan yayasan;
 - (m) menjalankan aktiviti perniagaan pajak gadai Islam, ar-rahnu;
 - (n) menjalankan aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan;
 - (o) menjalankan aktiviti pengguna;
 - (p) menjalankan aktiviti kontraktor;
 - (q) mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan kelulusan mesyuarat agung;
 - (r) menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;
 - (s) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
-

- (t) melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;
- (u) menubuhkan syarikat subsidiari atau bersekutu serta mempermodakan aset-aset Koperasi ini atau pelaburan-pelaburan anggota dalam Koperasi ini untuk ditukarkan dengan modal syer syarikat berkenaan dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
- (v) menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.

(2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1), Koperasi boleh mendapatkan —

- (a) modal dengan cara mengumpul syer, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
- (b) deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan.

(3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut fasal (1), Lembaga hendaklah membuat aturan aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya

dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung itu.

(4) Bagi melaksanakan skim berhubung dengan simpanan khas, deposit atau pinjaman, menurut Peraturan, Lembaga hendaklah—

- (a) menyediakan suratcara berasingan yang menyatakan dengan jelas terma-terma dan syarat-syarat bagi skim tersebut;
- (b) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan
- (c) mengemukakan satu salinan suratcara yang diluluskan itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh tiga puluh hari selepas diluluskan oleh mesyuarat agung itu.

(5) Walau apapun peruntukan undang-undang kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEANGGOTAAN

Anggota

10. Anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini

dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-undang Kecil ini selepas pendaftaran.

Kelayakan menjadi anggota

11. (1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada—
- (a) Pegawai Kerajaan yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun di dalam Negeri Pahang Darul Makmur; atau
 - (b) Pegawai Kerajaan yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun di luar Negeri Pahang Darul Makmur tetapi dilahirkan di dalam Negeri Pahang Darul Makmur atau menjadi rakyat Negeri Pahang Darul Makmur; atau
 - (c) pekerja Koperasi ini yang telah disahkan jawatannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dengan syarat mereka ini tidak boleh menjadi Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan lain-lain jawatankuasa; atau

(d) penerima pindahan milik mengikut undang-undang kecil ini.

(2) Seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah —

(a) warganegara Malaysia;

(b) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(c) bermastautin sekurang-kurangnya sepuluh tahun atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan

(d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

Permohonan menjadi anggota

12. Permohonan menjadi anggota hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi ini dan dialamatkan kepada setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.

Fi masuk

13. (1) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota hendaklah disertakan dengan fi masuk sebanyak RM 300.00 (Ringgit: tiga ratus). Fi masuk itu menurut perenggan 50(a) Akta akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.

(2) Bekas anggota yang memohon untuk menjadi anggota semula dikenakan fi masuk sebanyak RM 600.00 (Ringgit: enam ratus).

(3) Wasi atau penama atau wakil yang sah kepada sebarang anggota yang mati, jika memohon untuk menjadi anggota dalam tempoh tiga bulan atau di dalam jangka tempoh yang pihak Lembaga fikirkan wajar, selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fi masuk.

(4) Semua fi masuk hendaklah dikreditkan ke dalam akaun untung rugi.

Ikrar anggota

14. (1) Seseorang yang memohon untuk menjadi anggota hendaklah menandatangani suatu ikrar bahawa dia —

- (a) akan terikat dengan Undang-undang Kecil ini dan aturan aktiviti yang sedia ada serta apa-apa pindaan;
- (b) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan;

- (c) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuat kuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar; dan
- (d) tidak pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(2) Mana-mana pemohon yang enggan menandatangani ikrar tersebut tidak boleh diterima menjadi anggota.

Penerimaan menjadi anggota

15. Permohonan menjadi anggota hendaklah dipertimbangkan oleh Lembaga dalam mesyuaratnya yang boleh menerima atau menolak sesuatu permohonan itu tanpa menyatakan sebabnya. Seseorang yang diterima menjadi anggota hendaklah diberitahu secara bertulis dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penerimaannya itu.

Perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota

16. Menurut seksyen 28 Akta, tiap-tiap anggota yang telah menjelaskan bayaran RM 1,000.00 (Ringgit : Satu Ribu) syer dan sekurang-kurangnya satu unit ladang mengikut harga semasa, boleh melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota, sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang Kecil ini.

Pemberian Undang-undang Kecil

17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.

Penama

18. (1) Tiap-tiap anggota Muslim hendaklah menamakan seorang wasi dari kalangan para warisnya yang terdekat yang mutlak tassarufnya untuk menerima, setelah ia mati, wang atau lain-lain yang terhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada segala warisnya yang berhak, mengikut hukum Islam.

(2) Tiap-tiap anggota yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang daripada seorang sebagai penama untuk menerima setelah dia mati, wang atau lain-lain yang terhak baginya di dalam Koperasi ini.

(3) Anggota itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.

(4) Penamaan hendaklah dibuat dalam borang rasmi Koperasi.

(5) Tertakluk kepada undang-undang kecil 11, seseorang wasi atau penama atau wakil yang sah, boleh diterima menjadi anggota Koperasi ini dan, wasi atau penama atau wakil yang sah yang demikian itu, hendaklah

menjadi anggota mulai dari tarikh diterima sebagai anggota.

Liabiliti anggota

19. (1) Liabiliti seseorang anggota hendaklah terhad kepada jumlah syer yang dimilikinya sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.

(2) Liabiliti seseorang bekas anggota hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keanggotaannya terhenti, menurut subseksyen 35(1) Akta.

(3) Harta pusaka seseorang anggota yang telah mati tidak bertanggung bagi hutang Koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut subseksyen 35(2) Akta.

(4) Harta pusaka menurut fasal (3) adalah syer dalam Koperasi ini.

Hilang kelayakan sebagai anggota

20. Seseorang anggota akan hilang kelayakannya sebagai anggota jika dalam tempoh menjadi anggota, dia —

- (a) hilang kewarganegaraan;
 - (b) hilang keupayaan dari segi mental;
 - (c) diisytiharkan bankrap;
 - (d) disabitkan atas kesalahan yang boleh daftar; atau
-

- (e) dibuang daripada keanggotaan mana-mana Koperasi dan suatu tempoh selama satu tahun belum lagi berlalu dari tarikh pembuangan itu.

Terhenti menjadi anggota

21. (1) Keanggotaan seseorang anggota terhenti atas sebab berikut:

- (a) mati;
- (b) menarik diri menurut undang-undang kecil 22; atau
- (c) dibuang menurut undang-undang kecil 23;

(2) Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang —

- (a) didapati membuat ikrar palsu menurut undang-undang kecil 14;
- (b) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20;
- (c) terhenti keanggotaannya menurut perenggan (c) fasal (1); atau
- (d) gagal menjelaskan syer minimum menurut undang-undang kecil 58.

Menarik diri

22. (1) Seseorang anggota boleh menarik diri daripada Koperasi ini dengan memberi notis bertulis **enam** bulan terlebih dahulu kepada Lembaga. Atas sebab yang munasabah, Lembaga boleh membenarkan penarikan diri dalam tempoh yang singkat.

(2) Melainkan tarikh lebih awal dipersetujui oleh Lembaga, maka keanggotaan anggota itu hendaklah terhenti hanya pada hari genap tempoh notisnya.

(3) Dalam tempoh notis itu, anggota yang demikian hendaklah masih mempunyai hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota.

Penggantungan dan pembuangan anggota

23. (1) Seseorang anggota hendaklah dianggap telah bertindak memudaratkan kepentingan Koperasi dan Lembaga boleh menggantung keanggotaannya jika didapati anggota itu melakukan mana-mana satu daripada perbuatan berikut :-

- (a) merujukkan pertikaian atau aduan kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya;
- (b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga;
- (c) membuat tuduhan palsu ke atas anggota Lembaga atau anggota atau bekas anggota atau pekerja Koperasi ini;
- (d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini;
- (e) bertindak di luar etika mesyuarat di dalam mana-mana mesyuarat sehingga menjejaskan perjalanan mesyuarat itu; atau

- (f) bertindak atau menjalankan sebarang aktiviti yang boleh memudaratkan Koperasi ini.

(2) Keputusan untuk menggantung keanggotaan mana-mana anggota boleh dibuat oleh Lembaga hanya setelah anggota berkenaan itu diberitahu secara bertulis mengenai tuduhan yang jelas terhadapnya. Anggota berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menyatakan sebab secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh surat diterima mengapa keanggotaannya tidak boleh digantung.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan hendaklah dibentangkan kepada mesyuarat agung yang terawal dan dijadikan sebagai fungsi pertama mesyuarat, dan anggota yang digantung keanggotaannya itu hendaklah diberitahu secara bertulis tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat, tentang tarikh, masa, tempat dan haknya untuk membela diri akan dijalankan di mesyuarat itu.

(4) Keputusan mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan keanggotaan itu boleh dibuat oleh mesyuarat agung dengan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir—

- (a) selepas mendengar penjelasan daripada anggota berkenaan sekiranya anggota berkenaan hadir; atau

- (b) selepas menimbang fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya anggota tersebut tidak hadir.

(5) Sehingga perkara penggantungan keanggotaannya diputuskan oleh mesyuarat agung, anggota yang berkenaan itu tidak mempunyai apa-apa hak dan kewajipan sebagai anggota melainkan hak menyuarakan hal penggantungan keanggotaannya itu di dalam mesyuarat agung.

Penyelesaian wang anggota

24. (1) Jika seseorang anggota terhenti daripada menjadi anggota Koperasi ini menurut undang-undang kecil 21, semua wang kepunyaannya melainkan nilai syer miliknya, setelah ditolak hutangnya dengan Koperasi ini hendaklah —

- (a) sekiranya dia **ditamatkan keanggotaannya**, dikembalikan kepadanya dengan segera tanpa apa-apa syarat;
 - (b) sekiranya dia hilang keupayaan dari segi mental dan tiada pentadbir atau pemegang amanah bagi hartanya yang telah dilantik, dikembalikan kepada sesiapa yang difikirkan wajar untuk menerima bagi pihaknya sebaik sahaja penerima itu ditentukan;
 - (c) sekiranya dia mati, dikembalikan kepada **wasinya** atau penamanya atau wakilnya
-

yang sah menurut seksyen 24 Akta, disyaratkan bahawa bagi seseorang anggota Muslim, pengembalian tidak boleh dibuat melainkan kepada wakilnya yang sah atau kepada Pegawai Pentadbir Pusaka jika selepas **dua belas bulan** dari tarikh kematiannya, wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau tidak dilantik;

- (d) sekiranya dia menarik diri, dikembalikan kepadanya selepas akhir tempoh notis; dan
- (e) sekiranya dia tidak lagi bermastautin, mempunyai hartanah dan bekerja dalam kawasan operasi Koperasi, dikembalikan kepadanya dengan wajarnya.

(2) Penyelesaian mengenai syer seseorang yang terhenti keanggotaannya sebagaimana yang ditentukan dalam akaun teraudit terakhir Koperasi ini, hendaklah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil 60 dan 61.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung

25. (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dan Undang-undang Kecil, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung, menurut seksyen 36 Akta, yang

padanya tiap-tiap anggota mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.

(2) Mesyuarat agung hendaklah terbahagi kepada dua jenis iaitu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas.

Mesyuarat agung tahunan

26. Mesyuarat agung tahunan menurut subseksyen 39(1) Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat agung khas

27. (1) Lembaga pada bila-bila masa boleh, atau apabila ada rekuisisi yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya satu perlima atau satu ratus anggota mengikut mana yang kurang hendaklah, memanggil suatu mesyuarat agung khas menurut subseksyen 40(1) Akta.

(2) Suruhanjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, boleh memanggil pada bila-bila masa suatu mesyuarat agung khas, mengikut cara, masa dan tempat yang diarahkannya, dan boleh menentukan perkara yang hendaklah dibincangkan oleh mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah mempunyai segala kuasa dan tertakluk kepada kaedah yang sama seperti mesyuarat agung yang dipanggil menurut Akta atau Undang-undang Kecil ini.

Notis mesyuarat agung

28. (1) Notis bagi sesuatu mesyuarat agung hendaklah diberi kepada anggota dalam tempoh tidak kurang daripada lima belas hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

(2) Notis hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat dan fungsi mesyuarat dan bagi mesyuarat agung tahunan hendaklah disertakan —

- (a) akaun dan kunci kira-kira Koperasi ini dan subsidiarinya, jika ada, yang teraudit;
- (b) belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (c) laporan Lembaga;
- (d) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
- (e) dokumen lain yang berkaitan.

(3) Satu salinan notis hendaklah dipamerkan di pejabat Koperasi ini dan sebagai tambahan boleh juga diterbitkan di dalam mana-mana akhbar tempatan.

(4) Menurut seksyen 41 Akta, Lembaga hendaklah memberi kepada Suruhanjaya notis bertulis yang mengandungi maklumat tentang tarikh, masa, tempat dan fungsi mesyuarat agung yang akan diadakan oleh Koperasi dalam tempoh tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum diadakan mesyuarat agung itu.

Kuorum mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

29. (1) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas bagi apa-apa maksud adalah seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan.

(2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas kerana meminda Undang-undang Kecil ini, hendaklah dua pertiga dari jumlah anggota, melainkan kuorum terkurang dibenarkan oleh Suruhanjaya menurut Peraturan.

(3) Bagi sesuatu mesyuarat agung khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya menurut fasal (2) undang-undang kecil 27 yang ditunda —

- (a) kuorum hendaklah tidak kurang daripada dua kali ganda bilangan anggota Lembaga atau dua puluh orang mana yang lebih; dan
- (b) keputusan boleh dibuat dengan kelebihan undi dua pertiga daripada anggota yang hadir dan layak mengundi menurut Akta dan Peraturan.

Undi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

30. (1) Semua perbahasan kecuali yang berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil dan pembuangan anggota di bawah fasal (4) undang-undang kecil 23 hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota

yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran.

(2) Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah. Anggota yang berkecuali dianggap tidak menyokong usul itu.

(3) Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

Pembatalan dan penangguhan mesyuarat agung tahunan

31. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung tahunan itu, bilangan yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung tahunan itu bolehlah dibatalkan dan hendaklah dipanggil semula oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat agung yang dibatalkan dengan membincangkan fungsi mesyuarat yang sama.

(2) Mesyuarat agung tahunan boleh ditangguhkan dengan persetujuan mesyuarat –

- (a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang asal;
- (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
- (c) bagi menjalankan urusan mesyuarat yang asal.

(3) Notis tidak perlu bagi mesyuarat yang ditangguhkan itu.

Pembatalan dan tundaan mesyuarat agung khas

31A. (1) Jika selepas tiga puluh minit daripada waktu yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat agung khas itu bilangan anggota yang hadir masih belum mencukupi kuorum, maka mesyuarat agung itu —

- (a) dibatalkan, jika dipanggil oleh Lembaga atau atas rekuisisi anggota; atau
- (b) ditunda, jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta.

(2) Bagi mesyuarat yang ditunda menurut perenggan (b) fasal (1) —

- (a) tarikh mesyuarat tertunda hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari; dan
- (b) notis penundaan hendaklah disampaikan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat yang ditunda.

(3) Perkara yang telah dicadangkan bagi mesyuarat agung yang ditunda hendaklah dibincangkan pada mesyuarat tertunda itu. Jika terdapat perubahan kepada perkara yang telah dicadangkan itu, notis baru menurut fasal (1) undang-undang kecil 28 hendaklah diberi kepada tiap-tiap anggota bagi mesyuarat tertunda itu.

Fungsi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

32. (1) Menurut Peraturan, fungsi mesyuarat agung tahunan hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
- (b) menimbang laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk pembahagian keuntungan bersama dengan laporan juruaudit;
- (d) memilih anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang akan datang;
- (f) membentangkan laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) meluluskan elaun kepada anggota Lembaga dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi, jika ada;
- (h) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau seorang pegawai Suruhanjaya untuk mengaudit akaun koperasi;
- (i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi;

- (j) menimbang dan meluluskan surat cara deposit atau pinjaman;
 - (k) menentukan had maksimum keterhutangan;
 - (l) melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;
 - (m) mengisytihar atau menerbitkan syer bonus, jika ada;
 - (n) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau urusan perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan;
 - (o) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
 - (p) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan kepada Koperasi ini, yang dikemukakan oleh mana-mana anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga; dan
 - (q) menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada.
-

(2) Walau apapun fasal (1), fungsi di dalam perenggan (g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), dan (q) bolehlah diputuskan dalam mesyuarat agung khas di bawah subseksyen 40(1) Akta;

(3) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung khas yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta, boleh menjalankan kesemua atau mana-mana fungsi di bawah fasal (1).

(4) Mesyuarat Agung boleh menamatkan perlantikan kesemua atau mana-mana anggota Lembaga dengan syarat usul secara bertulis diterima oleh Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung diadakan. Sebarang usul tergepar tidak dibenarkan.

Pengerusi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

33. (1) Pengerusi Lembaga Koperasi ini hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung. Sekiranya pengerusi tidak hadir, maka timbalan pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung itu, dan sekiranya kedua-dua mereka tidak hadir, maka anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih salah seorang di antara mereka untuk mempengerusikan mesyuarat agung itu.

(2) Pengerusi dengan persetujuan mesyuarat boleh menangguhkan mesyuarat agung;

(a) dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat asal;

- (b) di dalam kawasan operasi Koperasi; dan
- (c) menjalankan urusan mesyuarat yang asal sahaja.

(3) Notis tidaklah perlu bagi mesyuarat agung yang ditangguhkan itu.

(4) Walau apapun fasal (1), mesyuarat agung yang diadakan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta boleh dipengerusikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya.

Aturan tetap mesyuarat agung

34. Mesyuarat agung hendaklah dikendalikan menurut aturan-aturan dalam Aturan Tetap Mesyuarat Agung yang diluluskan oleh mesyuarat agung serta apa-apa pindaan kepadanya dari semasa ke semasa.

Pengelolaan dan pengurusan Koperasi ini

35. Pengelolaan hal-ehwal Koperasi ini menurut seksyen 42 Akta, hendaklah terserah kepada satu Lembaga yang mengandungi tidak lebih daripada **sebelas orang** yang dipilih dan dilantik seperti berikut:

- (a) sembilan orang anggota yang dipilih oleh mesyuarat agung tahunan mengikut perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 32 dan undang-undang kecil 37; dan

- (b) tidak lebih daripada dua orang wakil yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur dan diluluskan melalui usul mesyuarat agung.

Pemilihan anggota Lembaga

36. Pemilihan Lembaga di bawah perenggan (d) fasal (1) undang-undang kecil 32 hendaklah dijalankan secara sulit oleh anggota-anggota yang hadir dalam mesyuarat agung tahunan mengikut aturan-aturan dalam Aturan Pemilihan Anggota Lembaga yang diluluskan oleh mesyuarat agung serta apa-apa pindaan kepadanya dari semasa ke semasa.

Kelayakan menjadi anggota Lembaga

37. (1) Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga, jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi atau koperasi ini dan belum genap tempoh dua tahun tempoh berhentinya;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;

- (e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun; atau
- (f) belum genap tempoh dua tahun berhenti sebagai kakitangan Koperasi ini.

(2) Walau apapun fasal (5) undang-undang kecil 18, seorang penama atau wakil yang diterima menjadi anggota yang belum genap tempoh dua tahun dari tarikh diterima menjadi anggota tidak layak untuk dipilih menjadi anggota Lembaga.

Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga

38. (1) Satu pertiga daripada bilangan anggota Lembaga yang dipilih di bawah perenggan (a) undang-undang kecil 35 hendaklah mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan. Mana-mana anggota yang mengosongkan jawatannya di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dipilih semula.

(2) Tempoh keanggotaan bagi anggota-anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (b) Undang-undang Kecil 35 hendaklah sehingga mesyuarat agung tahunan yang terawal diadakan selepas perlantikan masing-masing.

(3) Aturan yang ditetapkan menurut fasal (1) hendaklah diulangi bergilir-gilir tiap-tiap tahun bagi dua pertiga anggota Lembaga yang selainnya supaya pada permulaan tahun keempat atau lebih awal daripada itu, kesemua anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan

jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu.

(4) Pelantikan seseorang anggota Lembaga yang dibuat menurut subsubperenggan 69(1)(iv)(B) Akta tidak tertakluk kepada fasal (2).

(5) Mana-mana kekosongan dalam Lembaga yang dipilih di bawah Undang-undang Kecil 35(a) hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana anggota yang berkelayakan menurut Undang-undang Kecil 37, mengikut aturan-aturan dalam Aturan Pemilihan Anggota Lembaga dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga mesyuarat agung tahunan akan datang.

(6) Sekiranya mesyuarat agung tahunan tidak diadakan maka penggiliran pengosongan jawatan tetap berlaku. Pengguguran akan berlaku pada mesyuarat agung tahunan yang terdekat diadakan.

Lucut dan penggantungan jawatan anggota Lembaga

39. (1) Seseorang anggota Lembaga hendaklah lucut jawatannya dengan sendiri berkuat kuasa serta-merta jika dia —

- (a) disabitkan atas kesalahan boleh daftar atau kesalahan menurut Akta atau Peraturan;
- (b) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (c) tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga

tiga kali berturut-turut, melainkan dengan sebab yang boleh diterima oleh Lembaga yang telah dimaklumkan terlebih dahulu; atau

- (d) hilang kelayakan sebagai anggota menurut undang-undang kecil 20.

(2) Seseorang anggota Lembaga hendaklah digantung dari jawatannya jika —

- (a) sesuatu langkah perbicaraan diambil terhadap anggota Lembaga itu mengenai sesuatu kesalahan boleh daftar atau sesuatu kesalahan menurut subseksyen 47(1) Akta; atau
- (b) majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota Lembaga itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini, menurut Peraturan.

(3) Tiap-tiap kes penggantungan menurut perenggan (b) fasal (2), hendaklah —

- (a) didengar oleh mesyuarat agung yang terawal diadakan selepas penggantungan itu;
- (b) anggota itu telah diberitahu secara bertulis akan kesalahannya dalam masa tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat agung;
- (c) anggota itu diberi peluang membela diri dalam mesyuarat agung itu; dan

(d) keputusan penggantungan anggota tersebut hendaklah tertakluk kepada pengesahan atau pengetepian oleh majoriti anggota yang hadir di dalam mesyuarat agung itu.

(4) Anggota Lembaga yang dikenakan tindakan penggantungan itu hendaklah –

- (a) diberhentikan semua hak atau fungsi atau tugas berkenaan dengan jawatan itu; dan
- (b) diberhentikan semua saraan yang diterima semasa memegang jawatan.

(5) Keputusan mengesahkan pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan anggota Lembaga itu hendaklah dibuat oleh mesyuarat agung dengan undi majoriti anggota yang hadir –

- (a) selepas mendengar penjelasan daripada anggota Lembaga
itu sekiranya dia hadir; atau
- (b) selepas mendengar dan menimbangkan fakta pertuduhan yang dibentangkan oleh Lembaga, sekiranya dia tidak hadir.

(6) Jika mesyuarat agung mengesahkan penggantungan menurut fasal (5), dia hendaklah dipecat jawatannya dengan serta merta.

(7) Jika mesyuarat agung mengetepikan penggantungannya maka semua saraan yang sepatutnya diterima boleh dibayar kepadanya.

Penamatan pelantikan anggota Lembaga

40. (1) Walau apapun peruntukan fasal (1) undang-undang kecil 38, mesyuarat agung mempunyai kuasa menurut Peraturan —

- (a) untuk menamatkan pelantikan mana-mana atau kesemua anggota Lembaga pada bila-bila masa; dan
- (b) memilih gantinya dengan syarat bahawa usul secara bertulis untuk menamatkan pelantikan anggota Lembaga itu hendaklah disampaikan kepada Koperasi dalam tempoh tujuh hari sebelum mesyuarat agung itu diadakan.

(2) Keputusan untuk menamatkan pelantikan seseorang atau kesemua anggota Lembaga hanya boleh dibuat selepas mesyuarat agung itu mendengar penjelasan anggota Lembaga yang terlibat.

(3) Anggota Lembaga yang ditamatkan pelantikannya menurut undang-undang kecil ini tidak boleh dilantik semula sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

Mesyuarat Lembaga

41. (1) Mesyuarat Lembaga pertama hendaklah—
- (a) diadakan sebaik sahaja selesai mesyuarat agung tahunan; dan
 - (b) melantik di kalangan anggota Lembaga seorang pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan bendahari.
- (2) Mesyuarat Lembaga yang berikutnya hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh **dua** bulan.
- (3) Mesyuarat Lembaga hendaklah juga diadakan sekiranya —
- (a) Suruhanjaya mengeluarkan arahan; atau
 - (b) lima orang anggota Lembaga membuat permintaan bertulis menyatakan perkara yang hendak dibincangkan.
- (4) Keputusan mesyuarat Lembaga adalah sah walaupun —
- (a) ketidakhadiran mana-mana anggota Lembaga;
 - (b) terdapat kecacatan yang kemudiannya diketahui dalam pelantikan atau kelayakan mana-mana anggota Lembaga atau pembentukan Lembaga;
 - (c) terdapat peninggalan, kecacatan atau salah aturan mesyuarat; atau

(d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang bukan anggota Lembaga.

(5) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang ke mesyuarat —

- (a) untuk memberi nasihat berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibincangkan;
- (b) tetapi orang tersebut tidak boleh mengundi; dan
- (c) orang itu boleh dibayar elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Semasa ketiadaan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, seorang daripada anggota Lembaga lain yang hadir boleh dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat.

Kuorum mesyuarat Lembaga

42. Kuorum mesyuarat Lembaga hendaklah melebihi satu perdua daripada bilangan anggota Lembaga menurut undang-undang kecil 35.

Urusan mesyuarat Lembaga

43. Urusan mesyuarat Lembaga hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat Lembaga terdahulu;
- (b) membincangkan perkara berbangkit;

- (c) mengkaji, membincang, menimbang dan memutuskan di mana berkenaan, perkara berikut:
 - (i) keputusan mesyuarat agung dan menentukan tindakan;
 - (ii) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman;
 - (iii) laporan pengurusan;
 - (iv) permohonan menjadi anggota Koperasi;
 - (v) permohonan berhenti daripada menjadi anggota; dan
 - (vi) permohonan menambah atau mengurangkan caruman syer.
- (d) membentang dan meluluskan kedudukan kewangan bulanan;
- (e) mengkaji dan membincangkan projek Koperasi yang sedia ada dan subsidiari, jika ada;
- (f) mengkaji, membincang dan memutuskan cadangan projek baru Koperasi;
- (g) mengkaji, membincang dan memutuskan —
 - (i) hal-hal perjawatan;
 - (ii) program latihan pekerja; dan
 - (iii) program pendidikan anggota.
- (h) melantik Jawatankuasa Audit Dalaman di kalangan anggota menurut undang-undang kecil 53;
- (i) mengkaji, membincang, dan memutuskan

- pembelian atau pelupusan aset Koperasi ini termasuklah pelaburan dalam mana-mana subsidiari atau pelaburan-pelaburan lain; dan
- (j) menjalankan apa-apa urusan lain dengan memberi notis tidak kurang daripada tujuh hari.

Undi anggota Lembaga

44. (1) Semua usul dan cadangan hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi anggota Lembaga yang hadir.

(2) Jika bilangan undi sama banyak, maka usul atau cadangan yang diundi itu tidak diterima.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang ada kepentingan peribadi di dalam apa-apa perkara yang akan dipertimbangkan oleh mesyuarat hendaklah mengisytiharkan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai penglibatan atau kepentingannya dalam perkara itu dan berundur dari bilik mesyuarat sehingga perkara itu diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

Resolusi pekeliling Lembaga

45. (1) Resolusi pekeliling yang ditandatangani oleh kesemua anggota Lembaga yang berada di dalam Malaysia adalah keputusan yang sah seolah-olah perkara tersebut telah dipertimbangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga.

(2) Semua resolusi pekeliling hendaklah dibentangkan untuk pengesahan dalam mesyuarat Lembaga yang terawal diadakan selepas tarikh resolusi pekeliling tersebut.

Buku minit mesyuarat Lembaga

46. (1) Segala keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah —

- (a) diminitkan dalam tempoh tujuh hari;
- (b) ditandatangani oleh setiausaha mesyuarat itu; dan
- (c) diedarkan kepada anggota Lembaga dalam tempoh empat belas hari.

(2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat tersebut.

(3) Minit bagi sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan—

- (a) kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(c) Akta; dan
- (b) dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Kuasa dan kewajipan Lembaga

47. (1) Lembaga bertanggungjawab memastikan pentadbiran dan pengurusan Koperasi dikendalikan dengan teratur, menurut subseksyen 44(1) Akta.

(2) Bagi melaksanakan tanggungjawab menurut fasal (1), Lembaga hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan yang berikut:

- (a) memilih secara undi sulit seorang pengerusi, seorang timbalan pengerusi, seorang setiausaha dan seorang bendahari di kalangan anggotanya di dalam mesyuarat Lembaga yang diadakan menurut perenggan (b) fasal (1) undang-undang kecil 41;
- (b) mengemukakan suatu senarai anggota Lembaga yang mengandungi butiran berikut:
 - (i) nama;
 - (ii) alamat kediaman;
 - (iii) nombor kad pengenalan;
 - (iv) tarikh keanggotaan;
 - (v) pekerjaan; dan
 - (vi) jawatan dalam Koperasi, dalam tempoh lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya kepada Suruhanjaya menurut perenggan 14(1)(a) Akta. Apa-apa perubahan mengenai butiran berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Suruhanjaya secara bertulis dalam tempoh lima belas hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut;
- (c) menimbang dan menerima permohonan keanggotaan;

- (d) meluluskan dan mengesahkan pemindahan dan penebusan syer anggota;
- (e) melantik —
 - (i) seorang pegawai yang bergaji tetap; atau
 - (ii) sebuah firma, bagi menjalankan mana-mana daripada tugas setiausaha, jika perlu, dengan syarat pegawai yang dilantik itu tidak boleh menjadi anggota Lembaga;
- (f) menyenggara akaun bagi wang yang diterima dan yang dibelanjakan atas nama Koperasi dengan benar dan betul;
- (g) menyenggara akaun bagi harta dan liabiliti Koperasi dengan benar dan betul;
- (h) membenarkan perbelanjaan, menyemak dan mengawasi semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi yang disenggara, diuruskan dengan sempurna dan kemaskini;
- (i) membentangkan kepada mesyuarat agung tahunan —
 - (i) akaun perdagangan;
 - (ii) akaun untung rugi;
 - (iii) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
 - (iv) kunci kira-kira;
 - (v) laporan Lembaga menurut subseksyen 59(3) Akta;
 - (vi) laporan juruaudit; dan

- (vii) pandangan Suruhanjaya mengenai akaun dan kunci kira-kira, jika ada, bagi Koperasi dan subsidiari;
- (j) membuat perakuan pembahagian keuntungan bersih dan pengisytiharan syer bonus Koperasi, jika ada kepada mesyuarat agung tahunan;
- (k) mengambil tindakan sewajarnya ke atas penyata dan surat arahan Suruhanjaya atau wakilnya;
- (l) membentang laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dalam mesyuarat agung tahunan;
- (m) memenuhkan jawatan kosong yang berlaku di dalam Lembaga, menggantung keanggotaan anggota dan anggota Lembaga serta menyingkirkan keanggotaan menurut fasal (2) undang-undang kecil 21 dan melucutkan jawatan anggota Lembaga;
- (n) memanggil mesyuarat agung menurut Undang-undang Kecil;
- (o) membuat perjanjian bagi mendapatkan pinjaman tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung;
- (p) melantik pekerja termasuk pengurus dengan mengeluarkan surat rasmi yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan;
- (q) bertindak atas nama dan bagi pihak

- Koperasi atau melantik seseorang wakil bagi menyelesaikan segala pertikaian Koperasi atau menjalankan dan memberhentikan mana-mana tindakan mahkamah;
- (r) melabur wang berlebihan menurut keputusan mesyuarat agung dan tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan;
 - (s) mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan mesyuarat agung;
 - (t) melaksanakan projek dan memberi peluang kepada anggota untuk —
 - (i) mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek; atau
 - (ii) menyumbangkan modal tambahan atau simpanan khas sebagaimana yang dipersetujui;
 - (u) memasuki perjanjian bagi pihak Koperasi dan dimeterai dengan mohor Koperasi serta ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga;
 - (v) melantik wakil di kalangan anggotanya untuk menghadiri mesyuarat mana-mana koperasi yang dianggotainya;
 - (w) menubuhkan jawatankuasa, jika perlu, bagi menjalankan aktiviti Koperasi dengan sempurnanya dan mewakilkan kuasa

- kepadanya dari semasa ke semasa mengikut keputusan Lembaga;
- (x) membuat aturan aktiviti dari semasa ke semasa bagi pelaksanaan aktiviti Koperasi dengan kelulusan mesyuarat agung dan mengemukakan satu salinannya dalam tempoh tiga puluh hari kepada Suruhanjaya menurut fasal (3) undang-undang kecil 9;
 - (y) mencadangkan belanjawan termasuk elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi;
 - (z) mencadangkan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah bagi subsidiari Koperasi untuk dibentangkan di mesyuarat agung tahunan Koperasi;
 - (aa) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka;
 - (bb) memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara; dan
 - (cc) melaksanakan tugas lain sebagaimana yang ditentukan oleh Akta, Peraturan, perintah, garis panduan, arahan Suruhanjaya, Undang-undang Kecil

dan mesyuarat agung dari semasa ke semasa.

(3) Seseorang anggota Lembaga yang memegang suatu jawatan atau memiliki suatu harta atau kepentingannya berkaitan perniagaan dengan Koperasi yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, suatu kewajipan atau satu kepentingan yang mungkin wujud, yang bercanggah dengan kewajipan atau kepentingannya sebagai anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah mengistiharkan di dalam mesyuarat Lembaga pertama yang diadakan selepas:

- (a) pelantikannya, atau
- (b) dia memiliki harta atau perniagaan tersebut,

mengenai hakikat jenis dan takat percanggahan yang mungkin berbangkit.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa

47A. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Kecil 47(2) (w) mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

- (a) melaksanakan peranan dan fungsi berdasarkan skop tugas yang disediakan oleh mesyuarat Lembaga;
- (b) melaksanakan aktiviti dan program yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa;
- (c) mengemukakan perancangan dan cadangan yang akan dilaksanakan untuk kelulusan mesyuarat Lembaga;

- (d) membentangkan laporan segala tindakan dan aktiviti yang telah dilaksanakan kepada mesyuarat Lembaga; dan
- (e) tidak dibenarkan menjalankan apa-apa aktiviti atau membelanjakan wang Koperasi tanpa kelulusan mesyuarat Lembaga.

Liabiliti anggota Lembaga

48. Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggung secara bersama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi atas sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun sedemikian atau oleh sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan, perintah atau Undang-undang Kecil ini serta aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya atau arahan mesyuarat agungnya.

Tugas pengerusi

- 49.** (1) Pengerusi hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
- (a) mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan mesyuarat agung;
 - (b) mengawasi segala wang, harta dan perniagaan Koperasi dikendalikan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (c) memperakui cabutan dan salinan dari rekod Koperasi, menurut Peraturan,
-

- bersama setiausaha melalui satu akuan yang bertarikh dan ditandatangani;
- (d) memanggil sendiri atau melalui setiausaha, mesyuarat Lembaga, bila perlu;
 - (e) mengarahkan Jawatankuasa Audit Dalamannya supaya memeriksa buku, rekod dan dokumen Koperasi pada bila-bila masa dan melaporkan kepada Lembaga;
 - (f) menandatangani permohonan pendaftaran kepada pindaan Undang-undang Kecil dan dokumen lain yang berkaitan bersama dua anggota Lembaga;
 - (g) menyelia secara am pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi;
 - (h) mengendalikan segala urusan perdagangan dan perindustrian Koperasi ini mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (i) mengawasi kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pegawai dan pekerja Koperasi ini dalam menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka; dan
 - (j) menjalankan apa-apa tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga ke atasnya dari semasa ke semasa.

(2) Tugas pengerusi menurut perenggan (a) dan (b) fasal (1) boleh diamanahkan kepada mana-mana anggota Lembaga, jika perlu.

Kewajipan timbalan pengerusi

50. Timbalan pengerusi hendaklah berkewajipan untuk menjalankan segala kewajipan pengerusi semasa ketiadaannya.

Tugas setiausaha

51. (1) Setiausaha hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memanggil dan menghadiri mesyuarat agung, mesyuarat Lembaga dan mesyuarat jawatankuasa dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (b) merekodkan perjalanan dan keputusan sesuatu mesyuarat;
 - (c) menyenggara dan mengemaskini semua daftar anggota, daftar penama, buku dan laporan yang dikehendaki oleh Lembaga;
 - (d) menguruskan surat-menyurat sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga;
 - (e) mengesahkan bersama pengerusi salinan segala perkara yang bertulis di dalam buku Koperasi;
 - (f) menyimpan dan menjaga dengan selamatnya mohor Koperasi;
 - (g) menyediakan laporan tahunan Koperasi ini untuk dipertimbangkan oleh mesyuarat Lembaga sebelum dibentangkan kepada mesyuarat agung; dan
 - (h) menjalankan tugas lain yang ditentukan
-

oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana tugas setiausaha boleh diamanahkan kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Tugas bendahari

52. (1) Bendahari hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) mengendalikan segala wang, harta dan perniagaan Koperasi mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (b) menerima dan menjaga semua wang yang diterima oleh Koperasi dan membuat pembayaran mengikut arahan Lembaga;
- (c) menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat jam hari bekerja daripada penerimaannya;
- (d) mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
- (e) menyimpan dalam Akaun Wang Runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (f) menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini

- supaya dapat diperiksa pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- (g) menyediakan akaun tahunan dan laporan tahunan Koperasi untuk dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga;
 - (h) menyediakan belanjawan tahunan Koperasi dalam bentuk yang menunjukkan dengan jelas segala butiran pendapatan dan perbelanjaan untuk ditimbang oleh Lembaga sebelum dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan; menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung;
 - (i) menyediakan penyata pendapatan dan perbelanjaan Koperasi yang benar dengan secara dibutirkan satu persatu bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga untuk dibandingkan dengan belanjawan bagi tempoh berkenaan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung; dan
 - (j) menjalankan apa-apa tugas lain yang ditentukan oleh Lembaga ke atasnya dari semasa ke semasa.

kepada pengurus atau pekerja tertakluk kepada persetujuan Lembaga.

Jawatankuasa Audit Dalam

53. Menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi lima orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (h) undang-undang kecil 43.

Kelayakan menjadi Jawatankuasa Audit Dalam

54. (1) Hanya anggota yang telah menjadi anggota Koperasi ini selama tempoh minimum dua tahun sahaja yang layak untuk dilantik sebagai Jawatankuasa Audit Dalam.

(2) Mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam bidang perakaunan atau pengauditan.

(3) Seseorang Jawatankuasa Audit Dalam yang tidak pernah menghadiri kursus audit Koperasi atau tidak mempunyai pengalaman kerja audit tidak kurang daripada lima tahun adalah dikehendaki menghadiri kursus audit Koperasi. Seseorang anggota yang gagal berbuat demikian boleh digugurkan daripada menjadi Jawatankuasa Audit Dalam.

(4) Seseorang anggota tidak layak untuk dipilih atau memegang Jawatankuasa Audit Dalam, jika dia:-

(a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;

- (b) telah dipecat sebagai pekerja mana-mana Koperasi;
- (c) telah menjadi anggota Lembaga Koperasi ini atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah undang-undang kecil 47 (2) (w);
- (d) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam koperasi ini; atau
- (e) mempunyai kepentingan diri dalam sebarang aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini.

Tempoh memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalam

55. (1) Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalam ini adalah satu tahun atau sehingga mesyuarat agung tahunan akan datang. Perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Penamatan Jawatankuasa Audit Dalam

55 A. Seseorang atau kesemua Jawatankuasa Audit Dalam boleh ditamatkan jawatannya oleh Lembaga jika dia –

- (a) gagal berfungsi menurut fasal (2) dan fasal (4) perenggan (b) dan (c) undang-undang kecil 56;
- (b) gagal memastikan kerahsiaan maklumat perniagaan Koperasi dan anggotanya terpelihara;
- (c) menggunakan maklumat koperasi untuk kepentingan perbadi; atau
- (d) melakukan perkara yang memudaratkan kepentingan Koperasi.

Kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Audit Dalam

56. (1) Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah mempunyai kuasa –

- (a) memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada;
- (b) memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan,

bagi memastikan hal ehwal dan perniagaan Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Akta, Peraturan, garis panduan, Undang-undang Kecil, mana-mana undang-undang bertulis lain dan keputusan mesyuarat agung serta mesyuarat lembaga.

(2) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:

- (a) memastikan adanya kuasa dan kesahan bagi segala perbelanjaan;
- (b) memeriksa akaun Koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh tiga bulan;
- (c) memberitahu Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta merta; dan
- (d) mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal ehwal Koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

(3) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar upah, tetapi amaun upahnya itu tidak boleh melebihi jumlah wang ditetapkan oleh mesyuarat agung.

- (4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah —
- (a) melantik dikalangan mereka seorang ketua;
 - (b) bersidang tidak kurang daripada empat kali setahun; dan
 - (c) mengemukakan laporan bertulis kepada
-

Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya empat kali setahun.

BAHAGIAN VI ASET DAN WANG KOPERASI

Wang dan kumpulan wang Koperasi

57. (1) Wang dan kumpulan wang Koperasi boleh mengandungi —

- (a) fi masuk dan syer anggota;
- (b) simpanan khas daripada anggota;
- (c) pinjaman atau deposit daripada anggota dan bukan anggota;
- (d) Kumpulan Wang Rizab Statutori;
- (e) Akaun Rizab Modal;
- (f) Kumpulan Wang Penebusan Syer;
- (g) derma dan pemberian tertentu;
- (h) baki keuntungan terkumpul; dan
- (i) kumpulan wang lain yang diluluskan oleh mesyuarat agung.

(2) Kumpulan wang Koperasi selain daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori boleh digunakan bagi melaksanakan aktiviti menurut fasal (1) undang-undang kecil 9.

Modal syer

58. (1) Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan tidak kurang RM 1,000.00

(Ringgit :Satu Ribu) syer dan satu unit ladang mengikut nilai semasa yang ditentukan oleh Koperasi sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam fasal (2). Syer minimum dan satu unit ladang ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat. Apa-apa tambahan kepada modal syer hendaklah dalam gandaan satu ribu ringgit, manakala jumlah dan nilai tambahan unit ladang pula akan ditentukan oleh Koperasi.

(2) Tempoh menjelaskan syer minimum dan satu unit ladang menurut fasal (1), adalah sebagaimana berikut:

- (a) seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini atau yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi hendaklah menjelaskan syer minimum dan satu unit ladangnya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh perakuan pendaftaran diterima oleh Koperasi; dan
- (b) seseorang yang diterima menjadi anggota menurut undang-undang kecil 15 hendaklah menjelaskan syer minimum dan satu unit ladangnya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh penerimaannya sebagai anggota.

(3) Pemilikan syer seseorang anggota dalam modal Koperasi ini menurut seksyen 33 Akta tidaklah boleh melebihi satu perlima daripada jumlahnya pada bila-bila masa.

Simpanan khas, deposit atau pinjaman

59. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya —

- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
- (b) deposit dan pinjaman.

(2) Koperasi boleh, dengan kelulusan Suruhanjaya, menerima deposit atau pinjaman daripada bukan anggota Koperasi.

(3) Fasal (2) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.

(4) Pada setiap mesyuarat agung tahunan, Koperasi hendaklah —

- (a) memberitahu anggotanya mengenai pinjaman daripada anggota menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pindahan syer

60. (1) Seseorang anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) undang-undang kecil 58 kepada anggota lain dengan menandatangani borang pemindahan syer.

(2) Pindahan syer tersebut hanya akan berkuat kuasa setelah didaftarkan oleh Koperasi.

(3) Syer-syer dan unit ladang seseorang anggota yang mati bolehlah dipindahkan kepada wasi atau penamanya atau wakil yang sah apabila wasi atau penama atau wakil yang sah itu disahkan menjadi anggota Koperasi ini atau kepada mana-mana anggota Koperasi ini yang dinamakan oleh wasi atau penama atau wakil yang sah itu dalam masa dua belas bulan selepas kematian anggota itu atau selama mana tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga.

(4) Pemindahan syer tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.

Penyelesaian modal syer

61. (1) Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut undang-undang kecil 60, bagi seseorang anggota yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun maka syernya yang diperihalkan di dalam undang-undang kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi ini tertakluk kepada fasal (2) Undang-undang Kecil ini.

(2) Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya.

(3) Selepas dua belas bulan dari tarikh kematian seseorang anggota atau selama mana tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga, sekiranya wasi, penama, atau wakilnya yang sah tidak dapat dipastikan atau telah tidak dilantik, nilai syer dan kepentingannya yang lain bolehlah dibayar kepada orang didapati oleh Lembaga sebagai orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan itu. Sekiranya Lembaga tidak dapat mengesan atau memastikan orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan itu selepas dua belas bulan dari tarikh kematian seseorang anggota atau selama mana tempoh yang dibenarkan oleh Lembaga, kepentingannya bolehlah diselesaikan menurut Akta Wang Tak Dituntut.

(4) Syer-syer boleh ditebus dibawah fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung, diterbitkan semula sebagai syer bonus.

Keuntungan modal

62. (1) Menurut subseksyen 55(1) Akta, semua keuntungan modal yang diperolehi daripada perkara berikut hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal —

(a) penjualan tanah atau bangunan, atau

- (b) kedua-duanya sebagai harta tetap; dan penilaian semula tanah atau bangunan, atau kedua-duanya, sebagai harta tetap, dengan kelulusan Suruhanjaya.

(2) Keuntungan modal menurut perenggan (a) fasal (1) boleh, jika diluluskan oleh mesyuarat agung, digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) penerbitan syer bonus;
- (b) penghapusan kira kerugian terkumpul;
- (c) penghapusan kira kerugian modal; dan
- (d) pewujudan suatu Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus.

(3) Syer bonus boleh diterbitkan menurut Peraturan berasaskan kepada —

- (a) jumlah syer yang dipegang oleh tiap-tiap anggota; atau
- (b) penerbitan semula daripada syer bonus yang ditebus, dengan syarat:
 - (i) syer menurut perenggan (a) dan (b), dipegang dalam tempoh masa dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus;
 - (ii) nama anggota yang akan menerima syer itu ada dalam daftar Koperasi pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu;
 - (iii) semua kerugian terkumpul dan semasa telah dihapuskan; dan

- (iv) buku dan rekod Koperasi telah disenggara dengan memuaskan menurut pendapat Suruhanjaya.

(4) Syer bonus yang diterbitkan daripada keuntungan modal menurut perenggan (b) fasal (1) boleh dengan kelulusan Lembaga —

- (a) dipindahkan kepada anggota lain Koperasi ini; atau
- (b) dikeluarkan dalam hal anggota yang mati.

(5) Pemindahan atau pengeluaran menurut fasal (4) dibayar daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus Koperasi.

Kumpulan Wang Rizab Statutori

63. (1) Menurut subseksyen 57(1) Akta, Koperasi ini hendaklah menyenggarakan satu Kumpulan Wang Rizab Statutori.

(2) Koperasi hendaklah memindahkan suatu jumlah wang ke Kumpulan Wang Rizab Statutori berdasarkan jadual di bawah:

Jumlah Terkumpul Kumpulan Wang Rizab Statutori	Jumlah Pindahan
Kurang daripada 50% daripada syer	Tidak kurang 25% daripada untung bersih teraudit
50% tetapi kurang daripada 100% daripada syer	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit

(3) Kumpulan Wang Rizab Statutori tidak boleh dibahagi dan tidak seorang pun anggota berhak untuk menuntut suatu bahagian tertentu daripadanya.

(4) Koperasi boleh membuat pembayaran balik syer daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori, dan pada setiap masa baki dalam kumpulan wang tersebut hendaklah tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer Koperasi berkenaan.

Simpanan khas

64. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9 dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pinjaman luar dan deposit

65. (1) Tertakluk kepada subseksyen 52(2), seksyen 52A Akta dan Peraturan, Koperasi boleh menerima

deposit atau meminjam wang daripada anggotanya dan dengan kelulusan Suruhanjaya, daripada bukan anggota Koperasi.

(2) Peruntukan fasal (1) tidak terpakai kepada deposit atau pinjaman yang diberikan oleh kerajaan.

(3) Pada setiap mesyuarat agung tahunan, Koperasi hendaklah –

- (a) memberitahu anggotanya mengenai deposit atau pinjaman, menurut subseksyen 52(3) Akta; dan
- (b) menetapkan had maksimum keterhutangan yang sedia ada dan yang baru akan ditanggung dalam tahun akan datang.

Pelaburan wang

66. (1) Wang berlebihan Koperasi boleh dilabur tertakluk kepada peruntukan seksyen 54 Akta dan Peraturan.

(2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah ditentukan oleh mesyuarat agung.

Pemberian pinjaman oleh Koperasi

67. Menurut seksyen 51 Akta, Koperasi boleh memberi apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit lain kepada —

- (a) pekerjanya, termasuk ketua pegawai eksekutif

- tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan mereka; atau
- (b) subsidiarinya atau koperasi lain, tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengagihan untung bersih teraudit

68. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam akaun untung rugi menurut seksyen 56 Akta, hendaklah diagihkan, tertakluk kepada seksyen 57 Akta, seperti berikut:

- (a) sebanyak mana yang ditentukan menurut fasal (2) undang-undang kecil 63 dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori; dan
- (b) sebanyak mana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Suruhanjaya dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

Disyaratkan bahawa menurut subseksyen 57(4) Akta, boleh ditolak apa-apa bayaran yang dibuat menurut perenggan (b) fasal (1) daripada jumlah wang menurut perenggan (a) fasal (1).

(2) Selepas pengagihan dan pembayaran menurut fasal (1), dan peruntukan cukai pendapatan, jika ada, baki untung bersih teraudit, boleh digunakan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) pembayaran potongan langganan;
- (b) pembayaran dividen atas syer anggota
-

sebagaimana yang ditentukan oleh arahan atau garis panduan;

- (c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga yang tidak boleh, bagaimanapun, melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh mesyuarat agung tahunan dan diluluskan oleh Suruhanjaya; atau
- (d) pemindahan kepada pelbagai kumpulan wang untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat.

(3) Pembayaran dividen daripada mana-mana sumber selain untung bersih teraudit bagi tahun kewangan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya, yang tidak boleh dalam mana-mana hal melebihi apa-apa kadar maksimum sebagaimana yang ditentukan dalam arahan atau garis panduan.

(4) Menurut subseksyen 57(7) Akta, bayaran kepada perkara menurut perenggan (b) fasal (1), fasal (2) dan (3), boleh dibuat hanya jika semua kerugian terkumpul telah dihapuskan sepenuhnya.

(5) Dengan kelulusan Suruhanjaya, Koperasi boleh, sekiranya kerugian terkumpul tidak dihapuskan sepenuhnya, menggunakan untung bersih terauditanya untuk pembayaran dividen kepada anggotanya yang tidak boleh melebihi lima peratus daripada jumlah syer anggota, menurut subseksyen 57(8) Akta.

Dividen dan potongan langganan

69. (1) Kadar dividen yang dibayar atas syer kepunyaan seseorang anggota pada enam bulan sebelum akhir tahun kewangan menurut Peraturan, hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus kecuali dengan kelulusan Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada di dalam daftar nama anggota Koperasi pada tarikh akhir tahun kewangan yang berkenaan tidak layak menerima dividen.

(2) Dividen hendaklah dibayar kepada anggota dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dividen itu diisytiharkan.

(3) Dividen yang tidak dapat dibayar kepada anggota atas apa-apa sebab hendaklah dikreditkan kepada akaun simpanan khas anggota berkenaan.

(4) Potongan langganan boleh diberi hanya jika langganan seseorang tidak kurang daripada nilai yang ditetapkan oleh Lembaga dalam tahun kewangan yang berkenaan.

BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT

Tahun kewangan

70. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada satu haribulan Januari dan berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember setiap tahun.

Penyenggaraan akaun

71. (1) Menurut seksyen 58 Akta, Lembaga hendaklah menyenggara dengan sempurna dan kemaskini rekod perakaunan dan rekod lain mengenai tiap-tiap transaksi dan kedudukan kewangan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, yang berkaitan dengan —

- (a) harta tetap, pelaburan dan deposit;
- (b) syer serta simpanan khas yang dicarum oleh anggota; dan
- (c) aktiviti yang dijalankan.

(2) Catatan dalam rekod perakaunan dan rekod lain menurut fasal (1) hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesai sesuatu transaksi, menurut subseksyen 58(2) Akta.

(3) Penyediaan akaun iaitu akaun perdagangan, untung rugi dan kunci kira-kira hendaklah dibuat dengan seberapa segera tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya tahun kewangan supaya dapat diaudit.

(4) Akaun menurut fasal (3) yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat agung tidak lewat daripada enam bulan selepas tamatnya tahun kewangan itu.

(5) Rekod perakaunan menurut fasal (1) hendaklah disimpan —

- (a) di pejabat berdaftar Koperasi pada sepanjang masa atau di mana-mana

tempat lain yang difikirkan patut oleh Lembaga, menurut subseksyen 58(4) Akta; dan

- (b) selama enam tahun selepas diaudit menurut Peraturan.

(6) Rekod ini boleh diperiksa oleh anggota pada bila-bila masa mengikut syarat pemeriksaan yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Lembaga boleh melantik mana-mana individu atau firma untuk mengemaskinikan rekod perakaunan bagi memastikan rekod tersebut dapat diaudit dalam tempoh yang ditetapkan.

(8) Suruhanjaya boleh, menurut subseksyen 58(5) Akta, dalam kes tertentu memerintahkan supaya rekod perakaunan Koperasi diserahkan untuk diperiksa oleh seseorang juruaudit yang bertindak bagi pihak seseorang anggota atau pegawai.

(9) Suatu senarai terperinci butiran perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada atau bagi pihak anggota individu Lembaga dan jawatankuasa hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi Koperasi, menurut Peraturan.

Resit dan baucar

72. (1) Resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang atau penerimaan lain seperti cek dan wang

pos yang diterima. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar tersebut hendaklah ditandatangani atau diluluskan oleh bendahari atau pengurus serta disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Pelantikan dan kewajipan juruaudit

73. (1) Lembaga hendaklah melantik seorang juruaudit bagi mengaudit akaun Koperasi, menurut subseksyen 60(1) Akta.

(2) Juruaudit yang dilantik menurut fasal (1) hendaklah dipilih oleh mesyuarat Lembaga daripada panel yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan mengemukakan satu salinan surat cara pelantikan kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(3) Juruaudit berkewajipan untuk mengaudit akaun dan rekod Koperasi dan hendaklah memberi laporan mengenai penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Suruhanjaya serta anggota Koperasi, menurut seksyen 63 Akta.

Penyerahan buku dan dokumen untuk diaudit

74. Menurut Peraturan, suatu senarai buku dan

dokumen Koperasi hendaklah disediakan oleh Koperasi dan diserahkan kepada juruaudit untuk ditandatangani sebagai pengakuan penerimaannya. Sesalinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Mengemukakan penyata kewangan dan laporan kepada anggota

75. Satu salinan penyata berikut hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap anggota tidak lewat daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung tahunan—

- (a) akaun perdagangan;
- (b) akaun untung rugi;
- (c) apa-apa penyata sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (d) kunci kira-kira dan laporan Lembaga mengenai kedudukan hal-ehwal Koperasi dan subsidiari yang telah dikemukakan untuk mendapat pandangan Suruhanjaya, menurut subseksyen 59(2) Akta;
- (e) laporan juruaudit; dan
- (f) laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.

BAHAGIAN VIII PELBAGAI

Akaun bank

76. Akaun bank bagi Koperasi hendaklah diuruskan oleh mana-mana orang iaitu pengerusi atau setiausaha dan bendahari atau dua orang pegawai lain yang diberi kuasa

oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Mohor Koperasi

77. (1) Koperasi hendaklah mempunyai satu mohor. Mohor ini tidak boleh dimeteraikan di atas mana-mana surat melainkan dengan keputusan Lembaga. Pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga dikehendaki menurunkan tandatangan mereka di atas tiap-tiap surat yang hendak dimeteraikan.

(2) Dokumen yang diperbuat atas nama Koperasi sama ada dimeteraikan atau tidak, dan ditandatangani dengan sahnya oleh pengerusi, setiausaha dan bendahari atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh Lembaga hendaklah disifatkan mengikat ke atas Koperasi sehingga sebaliknya dibuktikan.

Pertukaran alamat anggota

78. Tiap-tiap anggota hendaklah memberitahu setiausaha akan pertukaran alamatnya dalam tempoh tiga puluh hari. Semua surat kepada anggota yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyediaan dokumen untuk diperiksa

79. (1) Menurut seksyen 13 Akta, Koperasi hendaklah menyediakan perkara berikut yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota Koperasi sahaja tanpa apa-apa bayaran, pada masa-masa yang munasabah di alamat berdaftar Koperasi —

- (a) suatu salinan Akta dan Peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
- (b) suatu salinan Undang-undang Kecil dan akaun teraudit yang terakhir;
- (c) suatu senarai anggota;
- (d) suatu senarai anggota Lembaga;
- (e) nama ketua pegawai eksekutif, jika ada; dan
- (f) suatu senarai pegawai Koperasi yang berkenaan dengan pengurusan Koperasi, jika ada.

(2) Koperasi hendaklah juga menyediakan aturan aktiviti untuk diperiksa oleh anggota, jika ada.

Penyerahan tugas

80. Penyerahan tugas hendaklah dilakukan secara bertulis apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi dan disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas hari selepas berkuatkuasanya pertukaran itu.

Laporan oleh seseorang yang dilantik mewakili Koperasi

81. (1) Seseorang yang dilantik untuk mewakili Koperasi di dalam apa-apa mesyuarat, seminar, forum atau lawatan sambil belajar atas perbelanjaan Koperasi sama ada di dalam atau di luar negeri, menurut Peraturan, hendaklah mengemukakan laporan ringkas kepada mesyuarat agung tahunan yang akan datang yang terawal diadakan bagi Koperasi.

(2) Jika orang itu gagal mengemukakan laporan, dia hendaklah membayar balik semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Koperasi. Koperasi berhak mendapatkan balik setiap perbelanjaan tersebut seolah-olah ianya suatu hutang yang kena dibayar kepada Koperasi.

Pertikaian

82. (1) Segala pertikaian menurut subseksyen 82(1) Akta, yang menyentuh hal penubuhan, Undang-undang Kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung, pengurusan atau perniagaan Koperasi hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya, menurut Peraturan.

(2) Mana-mana anggota yang dibuktikan telah membuat pengaduan atau merujukkan pertikaiannya kepada mana-mana orang selain daripada Suruhanjaya hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi dan boleh dikenakan tindakan menurut undang-undang kecil 23.

(3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan menurut subseksyen 82(1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung Koperasi untuk penyelesaian. Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan hendaklah diputuskan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

Pemeliharaan kerahsiaan

83. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada

maklumat mana-mana anggota yang diperolehi dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan Koperasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis.

Pembubaran

84. Koperasi hanya boleh dibubarkan dengan perintah Suruhanjaya.

Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil

85. (1) Undang-undang Kecil ini adalah dibuat menurut Peraturan dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan. Apa-apa pindaan kepada Undang-undang Kecil ini tidak boleh dibuat melainkan dengan kehendak atau kebenaran Suruhanjaya. Aturan aktiviti tidak boleh dibuat melainkan dengan kelulusan mesyuarat agung.

(2) Apa-apa urusan Koperasi hendaklah tertakluk kepada Akta, Peraturan dan Undang-undang Kecil serta aturan aktiviti dan hendaklah dibaca bersekali.

Bahasa yang digunakan

86. Bahasa yang digunakan dalam pentadbiran dan pengurusan Koperasi ini hendaklah Bahasa Malaysia melainkan, dalam konteks urusan antarabangsa atau di mana perlu, Bahasa Inggeris bolehlah digunakan demi kelicinan serta pencapaian apa-apa maksud Koperasi ini.


Undang-undang Kecil hendaklah mengikat anggota

87. Menurut seksyen 17 Akta, Undang-undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-undang Kecil ini.


Diakui Pindaan Undang-undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung bertarikh dua puluh enam haribulan Jun tahun dua ribu sepuluh.



.....
DATO' HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM
Pengerusi
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad



.....
DATO' HAJI ZAINAL BIN HASSAN
Timbalan Pengerusi
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad



.....
DATO' HAJI MOHD SUAH BIN HAJI BUROK
Setiausaha
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

**JADUAL-JADUAL
ATURAN**

	M/S
BORANG I	i
(Permohonan Menjadi Anggota)	
BORANG II	v
(Penama)	
BORANG III	vii
(Peindahmilik)	

JADUAL I

ATURAN PENGURUSAN UNIT LADANG DAN PENGUNAAN KUMPULAN WANG UNIT LADANG

BIL	PERKARA	M/S
1.	Tajuk	1
2.	Mula berkuatkuasa	1
3.	Tafsiran	2
4.	Matlamat	2
5.	Tujuan	2
6.	Sumbangan kerajaan negeri	4
7.	Pembentukan unit ladang	5
8.	Harga pelaburan unit ladang	5
9.	Hak pemegang unit ladang	5
10.	Hak mutlak KOSMA ke atas tanah	6
11.	Aturan – aturan ini hendaklah mengikat pemegang – pemegang unit ladang	7

12.	Perbelanjaan ladang	7
13.	Perakaunan blok ladang	7
14.	Akaun blok ladang	8
15.	Akaun bank berasingan	8
16.	Rekod perakaunan blok ladang	8
17.	Penyata akaun teraudit	8
18.	Perbelanjaan operasi ladang	9
19.	Bayaran pengurusan	9
20.	Pembahagian keuntungan	9
21.	Hak KOSMA Ke Atas Unit Ladang Yang Belum Dilanggan	10
22.	Dividen yang tidak dituntut	10
23.	Bayaran zakat dan cukai pendapatan	11
24.	Jualan dan pindahan unit ladang	11
25.	Tanaman semula ladang	11
26.	Kumpulan wang tanaman semula	12
27.	Subsidiari menguruskendalikan blok ladang	12
28.	Pertikaian	12

JADUAL II

ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG

BIL	PERKARA	M/S
1.	Nama aturan	13
2.	Tujuan	13
3.	Perhimpunan	13
4.	Bahasa rasmi	13
5.	Pengerusi mesyuarat	14
6.	Agenda mesyuarat	14
7.	Pencatat minit	14
8.	Minit mesyuarat	15
9.	Tatatertib	15
10.	Kuasa pengerusi	18
11.	Tempoh ucapan	19
12.	Isu – isu ucapan	19
13.	Menutup ucapan atau perbahasan	21
14.	Usul dan pindaan	21
15.	Usul pengganti	22
16.	Hak menjawab	23
17.	Pengundian	23
18.	Penggantungan aturan tetap	24
19.	Pindaan atau pembatalan	24

JADUAL III

ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

BIL	PERKARA	M/S
1.	Pemilihan anggota lembaga	24
2.	Borang pencalonan	25
3.	Pencalonan mesti disokong dan dipersetujui	25
4.	Pengedaran nama calon di mesyuarat agung tahunan	26
5.	Pengedaran kertas undi	26
6.	Cara pengundian	27
7.	Pengiraan undi	27
8.	Pemerhati	28
9.	Pengumuman keputusan oleh pengerusi	28
10.	Kekosongan dalam lembaga	28
11.	Pindaan dan pembatalan	28

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)**

**PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA
(Undang – Undang Kecil 11)**

NAMA DAN ALAMAT :

Setiausaha,
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)
B-8032, Jalan Teluk Sisek,
Sri Kuantan Square,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tarikh : _____

Tuan,

PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA KOSMA.

Saya memohon menjadi anggota KOSMA dan maklumat – maklumat mengenai diri saya adalah seperti berikut : -

BORANG I

a.	Nama Penuh			
b.	No. K/P (Lama)		g.	Agama
c.	No. K/P (Baru)		h.	Tarikh Lahir
d.	Umur		i.	Tempat Lahir
e.	Alamat Tetap			
f.	Warganegara		Poskod	
j.	Pekerjaan			
k.	Nama Majikan			
l.	Alamat Majikan		Poskod	
Rekod perkhidmatan di dalam perkhidmatan kerajaan (ketika dalam Negeri Pahang sahaja)				
i)	Jabatan			
ii)	Jangkamasa			
iii)	Pengesahan oleh Ketua Jabatan / Majikan / Orang – orang kenamaan (dilengkapi dengan tandatangan, nama serta jawatan orang yang mengesahkan)			
	Tandatangan	Nama Penuh	Cop Rasmi & Jawatan	
n.	Gaji Sebulan	RM	Pendapatan lain	RM
o.	Keahlian dalam koperasi ini			
Nama Koperasi				
i)				
ii)				
iii)				

2. Saya memohon untuk memiliki _____
 syer dan _____ Unit Ladang dan bersama –sama
 ini saya sertakan sekali bayaran dalam bentuk Wang Tunai / Cek
 / Bank Deraf / Kiriman Wang Pos No. _____ bagi
 maksud berikut :-

Bil	Perkara	RM
(a)	Yuran masuk	- 300.00
(b)	Harga syer (minima 1000 unit)	-
(c)	Harga Unit Ladang	-
Jumlah Keseluruhannya (RM)		=

3. Saya membuat ikrar bahawa :-

- (a) Sekiranya di terima menjadi Anggota Koperasi, saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada Undang – Undang Kecil KOSMA dan sebarang pindaan dan pengubahsuaian yang diperbuat kepadanya dari semasa ke semasa :
- (b) Saya bukanlah seorang bankrap atau seorang yang disabitkan kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah - penjenayah dan Orang-orang Tak Diingini, 1969 dan:
- (c) Saya tidak pernah dibuang daripada menjadi Anggota mana – mana Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

Yang benar,

Nama Pemohon : _____
 No. K / Pengenalan : _____
 Tarikh : _____

PENCADANG

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K / P : _____

No. Anggota : _____

Tarikh : _____

PENYOKONG

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. K / P : _____

No. Anggota : _____

Tarikh : _____

Untuk kegunaan pejabat sahaja	
Tarikh Diterima	
Bilangan	
Diluluskan	

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

BORANG PENAMA (*Undang- Undang Kecil 17*)

Alamat Terkini : _____

Bahawa dengan ini saya _____ No. Kad Pengenalan (Lama) _____ No. Kad Pengenalan (Baru) _____ No. Anggota _____ **melantik orang di bawah ini sebagai penama saya** untuk menerima segala wang dan kepentingan yang berhak bagi diri saya daripada (KOSMA).

KETERANGAN MENGENAI PENAMA

a.	Nama Penuh			
b.	No. K / P (Lama)	f.	Persaudaraan	
c.	No. K / P (Baru)	g.	Tarikh Lahir	
d.	Umur	h.	Tempat Lahir	
e.	Alamat Tetap			
			Poskod	
i.	Pekerjaan			

Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

SAKSI 1

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. K / P : _____
No. Anggota : _____
Tarikh : _____
Tandatangan : _____

SAKSI 2

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. K / P : _____
No. Anggota : _____
Tarikh : _____
Tandatangan : _____

(Penama hendaklah seboleh-bolehnya yang berkelayakan untuk menjadi Anggota KOSMA dan saksi hendaklah terdiri daripada Anggota KOSMA)

**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)**

BORANG PINDAH MILIK

(Undang – Undang Kecil 60 dan Aturan Pengurusan Unit Ladang 24
Jadual 111 Undang – undang kecil)

Untuk Kegunaan Pejabat KOSMA

Tarikh diterima :

Mesyuarat Anggota Lembaga Ke - bertarikh :

Keputusan :

Diluluskan / Ditolak

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEMBERI MILIK

Nama :

No. Kad Pengenalan :

No. Anggota :

Alamat :

BAHAGIAN B : MAKLUMAT UNIT SAHAM / UNIT LADANG

	<i>Unit Saham</i>	<i>Unit Ladang</i>
Bilangan Unit Dipegang :		
Bilangan Unit Dicadangkan Untuk Dipindahkan :		
Bilangan Unit Selepas Pindahmilik :		

BAHAGIAN C : MAKLUMAT PENERIMA MILIK	
Nama :	
No. Kad Pengenalan :	
Tarikh Lahir :	
Tempat Lahir :	
Pekerjaan :	
Hubungan Persaudaraan Dengan Pemberi Milik :	
Alamat :	

PERAKUAN PEMBERI MILIK

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam Borang ini adalah benar dan saya bersetuju membuat pindahan Unit Saham / Unit Ladang berkenaan kepada Penerima Milik serta melepaskan KOSMA daripada sebarang liability yang timbul dari Pindahmilik di atas.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Saksi :-

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

PERAKUAN PENERIMA MILIK

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam BAHAGIAN C adalah benar dan saya membuat ikrar bahawa :-

- (a) Saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada Undang-undang Kecil KOSMA dan sebarang pindaan dan pengubahsuaian yang diperbuat kepadanya dari semasa ke semasa.

- (b) Saya bukanlah seorang bankrap atau seorang yang disabitkan kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah-penjenayah dan rang – orang Tak Diingini, 1969 dan

- (c) Saya tidak pernah dibuang daripada menjadi anggota mana-mana koperasi berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

No. Anggota :

(jika ada)

Saksi :-

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pendenalan :

JADUAL I ATURAN PENGURUSAN UNIT LADANG DAN PENGGUNAAN KUMPULAN WANG UNIT LADANG

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang kecil 47 (2) (x), Lembaga membuat aturan-aturan yang berikut :

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. Tajuk

Aturan-aturan ini adalah dinamakan Aturan-aturan Pengurusan Unit Ladang dan Penggunaan Kumpulan Wang Unit Ladang Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA), atau ringkasnya Aturan Unit Ladang KOSMA.

2. Mula Berkuatkuasa

(1) Aturan ini adalah diwujudkan di bawah undang-undang kecil 47 (2) (x) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh mesyuarat agung.(2) Dalam penyediaan penyata kewangan serta pengagihan keuntungan, aturan ini hendaklah dikuatkuasakan bermula dari hari pertama dalam tahun kewangan di mana ianya didaftarkan oleh Suruhanjaya.

3. Tafsiran

Dalam Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, semua perkataan dan perbahasan hendaklah mempunyai erti yang sama seperti tafsiran masing-masing dalam Undang-undang Kecil.

BAHAGIAN II

TUJUAN ATURAN-ATURAN INI

4. Matlamat

Aturan-aturan ini digubal untuk menyediakan kaedah-kaedah serta dasar-dasar bagi pembangunan, pengurusan dan pengagihan keuntungan Unit Ladang.

5. Tujuan

Aturan-aturan yang dibuat bertujuan memberi panduan berkenaan prosidur-prosidur mengenai:-

- (a) Merancang bagi membangunkan tanah-tanah yang dimiliki oleh KOSMA secara berperingkat-peringkat dan diperuntukkan sebahagiannya sebagai unit-unit ladang untuk langganan oleh anggota-anggota KOSMA sebagai Unit-unit Ladang mengikut harga yang ditetapkan oleh Lembaga KOSMA dari semasa ke

- semasa;
- (b) Merancang bagi memperolehi tanah untuk dimajukan dengan tanaman kelapa sawit, getah, koko, kelapa dan lain-lain tanaman mengikut cara-cara perusahaan perladangan;
 - (c) Merancang bagi memiliki ladang-ladang yang telah sedia dimajukan samada melalui pemilikan sepenuhnya ataupun melalui proses usahasama di mana KOSMA memiliki lebih daripada separuh dari jumlah sahamnya;
 - (d) Memajukan tanah-tanah pertanian yang dimiliki oleh anggota-anggota KOSMA untuk dijadikan ladang kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya secara berkelompok;
 - (e) Menjalankan kerja-kerja dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjayakan ladang-ladang tersebut dalam fasal (a), (b), (c), dan (d) di atas, termasuk memproses dan / atau memasarkan hasil pengeluarannya;
 - (f) Mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai projek-projek tersebut dalam fasal (a), (b), (c), dan (d) di atas, samada melalui pelaburan anggota-anggota, pinjaman luar atau sumber-sumber lain;
 - (g) Mendapatkan sumber tenaga manusia
-

- serta khidmat kepakaran bagi melaksanakan projek berkenaan; dan
- (h) Melaksanakan projek-projek berkenaan dengan jayanya.

BAHAGIAN III

KONSEP UNIT LADANG

6. Sumbangan Kerajaan Negeri

(1) Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur telah meluluskan kepada KOSMA tanah seluas lebih kurang 55,000 ekar.

(2) KOSMA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur atas sumbang awal demi menjaga kebajikan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang.

(3) Hasrat untuk membantu dan menjaga kebajikan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang telah dapat direalisasikan di samping sumbangan-sumbangan lain seperti pembayaran cukai-cukai kepada kerajaan, membuka peluang-peluang pekerjaan serta pembangunan sosio ekonomik dalam sektor pertanian di Negeri Pahang.

7. Pembentukan Unit Ladang

(1) Untuk mencapai matlamat Kerajaan tersebut di atas serta untuk mempermudah perkiraan pendapatan bagi blok-blok ladang yang tidak dimajukan serentak, KOSMA telah membahagi-bahagikan ladang-ladangnya kepada beberapa "blok ladang".

(2) Blok-blok ladang yang telah dimajukan kemudiannya diperuntukkan kepada unit-unit berdasarkan andaian keluasan yang diputuskan oleh Lembaga (selepas ini dikenali sebagai "Unit Ladang")

8. Harga Pelaburan Unit Ladang

Unit-unit Ladang ditawarkan kepada anggota-anggota KOSMA pada harga yang akan ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa berdasarkan kepada kos pembangunan semasa, kos pembiayaan pembangunan dan sebagainya.

9. Hak Pemegang Unit Ladang

(1) Anggota-anggota yang melabur dalam Unit Ladang tidak berhak menuntut hakmilik tanah bagi Unit-unit Ladang yang mereka beli. Tidak ada hakmilik berasingan diberikan kepada pemegang Unit Ladang dan pemegang-pemegang Unit Ladang tidak

berhak menuntut hakmilik ke atas sebarang tanah KOSMA.

(2) Langgan Unit Ladang oleh anggota-anggota hanya memberi hak kepada pemegang-pemegang Unit Ladang ke atas sebahagian keuntungan Unit Ladang tertakluk dan berdasarkan kepada kelulusan Lembaga.

(3) Sijil pelaburan akan dikeluarkan kepada pemegang-pemegang Unit Ladang berdasarkan kepada bilangan Unit Ladang yang mereka langgani daripada blok ladang milik KOSMA.

10. Hak Mutlak KOSMA Ke atas Tanah

(1) Segala tanah yang telah dimajukan tetap merupakan aset yang dimiliki oleh KOSMA dan hendaklah didaftarkan atas nama KOSMA

(2) KOSMA mempunyai kuasa mutlak untuk mencagarkan blok-blok ladang tertentu yang dimilikinya kepada mana-mana institusi kewangan bagi mendapatkan pembiayaan sumber kewangan dalam menjalankan sebarang aktiviti perniagaannya.

- 11. Aturan-aturan Ini Hendaklah Mengikat Pemegang-Pemegang Unit Ladang**
Sebelum seseorang anggota KOSMA dibenarkan melanggan Unit Ladang, dia secara automatik terikat dengan Aturan-aturan ini dan dengan segala pindaan kepada Aturan-aturan ini yang dibuat di sisi undang-undang sepanjang tempoh langganannya ke atas Unit Ladang.

BAHAGIAN IV

TUGAS-TUGAS DAN KUASA-KUASA LEMBAGA

- 12. Perbelanjaan Ladang**
Dalam pentadbiran dan pengurusan Unit-unit Ladang, Lembaga adalah diberi kuasa penuh untuk menggunakan wang-wang yang diperolehi daripada jualan hasil-hasil ladang bagi membiayai kerja-kerja memaju, mengurus dan mentadbirkan ladang seperti dan pada kadar yang biasa dibuat oleh badan-badan yang menguruskan ladang.
- 13. Perakaunan Blok Ladang**
Lembaga hendaklah mengadakan satu daftar pemegang Unit Ladang serta segala buku, rekod, resit, baucer dan dokumen perakaunan lain yang perlu bagi setiap blok ladang dan memastikan segala dokumen tersebut dikemaskinikan dan

disimpan dengan sempurna. Perakaunan ini hendaklah menunjukkan dengan jelas segala pendapatan dan perbelanjaan bagi satu-satu blok ladang berkenaan.

14. Akaun Blok Ladang

Akaun bagi unit-unit ladang hendaklah diselenggarakan secara bersama dengan akaun am KOSMA.

15. Akaun Bank Berasingan

Satu akaun bank khas untuk operasi unit ladang hendaklah dibuka bagi satu-satu blok ladang dan segala perolehan dan bayaran hendaklah dibuat daripada akaun ini.

16. Rekod Perakaunan Blok Ladang

Semua buku dan rekod perakaunan bagi satu-satu blok ladang hendaklah disimpan di pejabat ladang KOSMA.

17. Penyata Akaun Teraudit

Dalam masa enam bulan selepas berakhirnya sesuatu tahun kewangan Lembaga hendaklah mengedarkan penyata kewangan keseluruhan KOSMA yang telah diaudit oleh Juruaudit kepada setiap anggota.

18. Perbelanjaan Operasi Ladang

Segala perbelanjaan pengurusan, pentadbiran, cukai tanah dan susutnilai

serta perbelanjaan-perbelanjaan ladang-ladang secara keseluruhan hendaklah ditolak daripada pendapatan keseluruhan hasil ladang-ladang yang diperolehi dalam menentukan keuntungan atau kerugian bersih KOSMA.

19. Bayaran Pengurusan

Selain daripada belanja operasi ladang, KOSMA bolehlah mengambil sebanyak 10 % atau sebanyak yang diluluskan oleh mesyuarat agung, daripada keuntungan bersih sesuatu blok ladang sebagai bayaran pengurusan.

20. Pembahagian Keuntungan

(1) Keuntungan atau kerugian bersih blok ladang, selepas ditolak rezab penanaman semula dan bayaran pengurusan kepada KOSMA, hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Unit Ladang.

(2) Daripada Kumpulan Wang ini pembahagian keuntungan bersih dalam bentuk pulangan bolehlah dibuat kepada pemegang-pemegang Unit Ladang berdasarkan kadar pulangan yang diluluskan oleh Lembaga.

(3) Baki daripada keuntungan bersih bagi

satu-satu blok ladang yang tidak dibahagi-bahagikan kepada pemegang-pemegang Unit Ladang hendaklah dibawa ke hadapan dan dicampurkan dengan keuntungan ladang bagi tahun-tahun berikutnya.

(4) Segala kerugian yang dialami oleh ladang-ladang hendaklah ditanggung bersama oleh pemegang-pemegang Unit Ladang mengikut bilangan unit yang dilanggannya.

21. Hak KOSMA Ke Atas Unit Ladang Yang Belum di langgan

Unit Ladang yang tidak dilanggan adalah merupakan hakmilik KOSMA dan keuntungan di atas Unit-Unit Ladang tersebut hendaklah dibayarkan kepada KOSMA.

22. Dividen Yang Tidak Dituntut

Jika oleh sebab-sebab tertentu pulangan bagi sesuatu Unit Ladang itu tidak dapat dibayar kepada pemegang Unit Ladang berkenaan maka wang itu hendaklah dikreditkan kepada akaun pertaruhan anggota berkenaan yang boleh dituntut oleh anggota itu atau warisnya yang sah di kemudian hari.

23. Bayaran zakat dan Cukai Pendapatan

KOSMA tidak bertanggungjawab ke atas bayaran zakat atau cukai pendapatan

bagi pemegang Unit Ladang. Terserahlah kepada setiap pemegang Unit Ladang untuk membuat pembayaran tersebut.

24. Jualan Dan Pindahan Unit Ladang

(1) Seseorang anggota boleh menjualkan Unit Ladangnya kepada seorang anggota yang lain mengikut harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (penjual dan pembeli) atau kepada KOSMA mengikut nilai semasa yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Tertakluk kepada persetujuan Lembaga, seseorang anggota boleh memindahkan Unit Ladangnya kepada sesiapa yang berkelayakan untuk menjadi anggota di bawah undang-undang kecil 11. Pemindahan itu tidak akan diiktiraf melainkan setelah dipersetujui oleh Lembaga secara bertulis dengan syarat-syarat tertentu dan didaftar dalam daftar anggota.

25. Tanaman Semula Ladang

Lembaga berhak menentukan penanaman semula ladang-ladang milik KOSMA yang difikirkan perlu ditanam semula dengan tanaman yang difikirkan sesuai dan menguntungkan. Segala perbelanjaan akan ditolak daripada pendapatan hasil ladang yang diperolehi oleh blok ladang

berkenaan.

26. Kumpulan Wang Tanaman Semula

Lembaga boleh membuat potongan daripada keuntungan Unit Ladang satu amaun yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai rezab untuk tanaman semula ladang-ladang KOSMA. Wang ini hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Tanaman Semula dan diuruskan oleh KOSMA.

27. Subsidiari Mengurusendalikan Blok Ladang

Sesuatu blok ladang boleh dimajukan atau dipajakkan kepada syarikat subsidiari KOSMA mengikut undang-undang kecil 9 (1) (u) selepas mendapat persetujuan mesyuarat agung tertakluk kepada syarat-syarat yang diluluskan oleh mesyuarat agung.

28. Pertikaian

Sebarang pertikaian di antara pemegang Unit Ladang dan KOSMA hendaklah diselesaikan mengikut Akta Koperasi 1993 dan Aturan-Aturan yang dibuat dibawahnya dari semasa ke semasa.

JADUAL II ATURAN TETAP MESYUARAT AGUNG

1. Nama Aturan

Aturan ini hendaklah dinamakan Aturan Tetap Mesyuarat Agung Koperasi Serbausaha Makmur Berhad.

2. Tujuan

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh undang-undang kecil 47 (2) (x), Lembaga membuat aturan-aturan ini bertujuan untuk memberi garis panduan untuk mengurus dan mengendalikan mesyuarat agung secara teratur mengikut peraturan dan undang-undang selaras dengan kehendak Akta Koperasi dan Undang-undang Kecil.

3. Perhimpunan

Anggota-anggota yang sah dan telah mengemukakan borang perisytiharan berkanun yang lengkap hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam notis mesyuarat {Undang-undang Kecil 28}.

4. Bahasa Rasmi

Bahasa rasmi bagi acara mesyuarat hendaklah bahasa Malaysia.

5. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi KOSMA hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung. Sekiranya Pengerusi tidak hadir, maka Timbalan Pengerusi hendaklah menggantikan tempat Pengerusi dan, sekiranya kedua-dua mereka tidak hadir maka anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang di antara mereka atau anggota Lembaga lain untuk mempengerusikan mesyuarat itu. {Undang-undang Kecil 33 (1)}

6. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah seperti mana dinyatakan dalam notis mesyuarat melainkan jika ada cadangan memindanya dan dipersetujui oleh mesyuarat. Semua perkara dalam agenda mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara lain.

7. Pencatat Minit

Tanpa menghiraukan peruntukan undang-undang kecil 51, Lembaga boleh melantik seorang yang khusus untuk mencatatkan perjalanan mesyuarat dengan syarat, sekiranya lantikan dibuat, catatan itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat agung diadakan. Sesuatu minit itu tidaklah

memerlukan catatan setiap perkataan yang diucap di dalam mesyuarat tetapi memadai dicatatkan ringkasan ucapan atau maksudnya sahaja.

8. Minit Mesyuarat

Minit mesyuarat agung yang lalu yang telah ditandatangani oleh Ahli- ahli Jawatankuasa Menentusah Minit hendaklah diedarkan kepada semua anggota untuk pengesahan dalam mesyuarat agung. Selain daripada pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbincangan terhadap minit itu tidak dibenarkan.

9. Tatatertib

(1) Seseorang anggota yang hendak berucap hendaklah berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang anggota tidak boleh berucap melainkan setelah dibenarkan berbuat demikian oleh Pengerusi.

(2) Jika lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, keutamaan diberi kepada anggota yang bangun dahulu. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada

Pengerusi.

(3) Anggota yang dibenarkan berucap hendaklah memulakan ucapannya dengan "Tuan Pengerusi" dan tidak perlu menyebut nama orang lain yang hadir seperti "Tuan Pegawai Pembangunan Koperasi", "Tuan Setiausaha", "Tuan Bendahari" atau sebagainya. Segala ucapan hendaklah ditujukan kepada "Tuan Pengerusi" walaupun anggota itu berkehendakkan penjelasan Bendahari atau lain-lain orang. Begitu juga orang yang menjawab atau memberi penjelasan hendaklah memberi jawapan / penjelasan kepada "Tuan Pengerusi" dengan suara yang lantang yang boleh didengar bersama oleh orang yang bertanya supaya Pengerusi tidak payah mengulangi jawapan atau penjelasan itu.

(4) Seseorang anggota tidak boleh berucap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali :-

- (a) bagi menerangkan sesuatu perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham, tetapi tidak boleh dikeluarkannya sebarang perkara baru ; atau
- (b) bagi pencadang sesuatu usul, kerana menjawab kepada hujah-

hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan.

Tetapi disyaratkan iaitu, dengan tidak hilang haknya berucap kemudian, sebarang anggota boleh menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun serta menyatakan hasratnya untuk menyokong usul atau pindaan itu.

(5) Seseorang anggota yang telah berucap boleh bercakap sekali lagi apabila suatu perkara baru ditimbulkan.

(6) Seseorang anggota tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan daripada buku atau surat bagi tujuan menyokong hujahnya dan boleh beliau membuat rujukan kepada sebarang notanya untuk mengingatkan balik apa yang hendak diucapkannya.

(7) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang berucap kecuali :-

- (a) Jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang menegur itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkannya buat pengetahuan

mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi perkara itu kepada Pengerusi untuk memutuskannya.

- (b) Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh anggota yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan anggota yang hendak menegur itu diizinkan oleh Pengerusi untuk berbuat demikian.

10. Kuasa Pengerusi

Sekiranya Pengerusi bercakap untuk meminta seseorang anggota supaya menghormati tata tertib mesyuarat atau mengenai lain-lain perkara yang bersangkutan dengan perkembangan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah berhenti cakap dan duduk semula dan lain-lain anggota juga tidak dibenarkan bercakap sehingga mesyuarat dimulakan semula. Keputusan Pengerusi terhadap apa jua masalah di bawah Peraturan Tetap ini atau lain-lain berkenaan tata tertib atau perjalanan adalah muktamad. Pengerusi berkuasa memerintah seseorang itu keluar daripada majlis mesyuarat jika ianya tidak mematuhi keputusan Pengerusi

atau Peraturan Tetap ini atau mengganggu anggota lain yang sedang bercakap atau menggunakan bahasa kasar atau kurang sopan dan namanya dicatatkan. Seseorang yang diminta meninggalkan majlis mesyuarat tidak akan dibenarkan masuk menyertai mesyuarat itu selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.

11. Tempoh Ucapan

Pembawa usul tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan bercakap melebihi tiga minit, kecuali dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberikan tidak boleh melebihi dua minit.

12. Isu-isu Ucapan

(1) Seseorang anggota hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan.

(2) Perkara-perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah tidak boleh disebut.

(3) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbang semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

(4) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan:-

- (a) bahasa biadap atau yang mungkin menyinggung perasaan mana-mana pihak ;
- (b) perkataan-perkataan yang derhaka pada negeri ;
- (c) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan; atau
- (d) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

(5) Nama, kelakuan dan sifat Ke Bawah DYMM Yang DiPertuan Agung atau nama DYMM Raja-raja Melayu atau Tuan Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.

(6) Jika pada pertimbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas

usul atau pindaan itu tujuannya melanggar aturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintah supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan atau Perbahasan

Setelah sesuatu masalah dikemukakan kepada mesyuarat, seseorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak akan membawa kepada salah dari segi mana-mana peraturan, maka masalah itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda, dibincang atau dibahas walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul dan Pindaan

(1) Sebarang cadangan pertama terhadap satu-satu perkara adalah dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama adalah dikenali sebagai pindaan.

(2) Setiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah mempunyai pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

(3) Setiap usul hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung diadakan.

(4) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

(5) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul itu.

(6) Adalah dibenarkan jika seorang anggota terlebih dahulu berucap dan menamatkan dengan satu usul.

(7) Apabila pindaan dibuat terhadap satu usul asal maka pindaan selanjutnya tidaklah boleh dibincangkan sebelum pindaan pertama itu diundi.

15. Usul Pengganti

Sekiranya satu pindaan dipersetujui, maka itu akan menggantikan usul asal dan dengan

sendirinya menjadi usul pengganti.

16. Hak Menjawab

Penganjur satu-satu usul adalah berhak memberi jawapan di akhir perbahasan usul itu sekiranya tiada sebarang pindaan dikemukakan terhadapnya. Apabila pindaan dikemukakan, ia berhak bercakap pada masa itu juga mengikut Aturan Tetap 14 dan di akhir perbahasan terhadap pindaan itu dan ia hendaklah memberi jawapan terhadap perbincangan itu tetapi ia tidak dibenarkan mengemukakan perkara baru. Perkara itu akan diundi dengan serta merta dan sebaik sahaja pengundian itu dimulakan oleh Pengerusi, sebarang perbincangan terhadap perkara itu tidak dibenarkan lagi.

17. Pengundian

- (1) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tidak mempunyai undi pemutus.
- (2) Tertakluk kepada Undang-undang Kecil 36, pengundian hendaklah dijalankan undi sulit.

- 18. Penggantungan Aturan Tetap**
Mana-mana peruntukan Aturan Tetap ini boleh diketepikan atas cadangan mana-mana anggota berhubung dengan mana-mana perkara khas mengenai kelicinan mesyuarat. Dengan syarat cadangan itu hendaklah disokong oleh dua pertiga anggota-anggota yang hadir.

- 19. Pindaan atau Pembatalan**
Lembaga boleh dari semasa ke semasa membuat perakuan-perakuan yang sewajarnya bagi pertimbangan Mesyuarat Agung untuk meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan Aturan Tetap ini bagi menjaga tatatertib semasa mesyuarat agung diadakan.

JADUAL III ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

- 1. Pemilihan Anggota Lembaga**
Pemilihan anggota Lembaga di bawah Undang-undang Kecil 32 (1) (d) hendaklah dijalankan secara sulit, sama ada pengundian secara manual atau pengundian secara berkomputer, oleh anggota yang hadir dalam mesyuarat agung tahunan.

2. **Borang Pencalonan**

Semua pencalonan untuk anggota Lembaga hendaklah dibuat di dalam borang pencalonan yang disediakan. Borang pencalonan yang telah lengkap diisi hendaklah disampaikan kepada setiausaha selewat-lewatnya empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat agung tahunan bersama-sama dengan borang perisytiharan berkanun yang lengkap untuk calon.

3. **Pencalonan Mesti Disokong dan Dipersetujui**

(1) Seorang calon hendaklah dicadangkan oleh seorang anggota yang lain serta mendapat persetujuan dari anggota yang dicalonkan itu seperti yang terkandung dalam borang pencalonan.

(2) Seseorang anggota bolehlah mengemukakan seberapa ramai calon dengan syarat bilangan calon yang dikemukakannya itu tidak melebihi bilangan kekosongan yang terdapat pada sesuatu mesyuarat agung itu.

(3) Sekiranya pencadang dan / atau penyokong dalam senarai calon yang diedarkan kepada anggota-anggota hilang kelayakan keanggotaannya atas sebarang

sebab, maka anggota yang dicalonkan itu hendaklah dianggap sebagai calon yang tidak sah melainkan beliau mempunyai borang pencalonan lain yang lengkap dan dicadang serta disokong oleh anggota-anggota yang sah.

4. **Pengedaran Nama Calon Di Mesyuarat Agung Tahunan**

Nama-nama calon hendaklah diedarkan kepada anggota yang hadir dalam mesyuarat agung dalam satu senarai yang menunjukkan nama calon, nombor anggota, nama pencadang dan nama penyokongnya. Senarai calon-calon ini hendaklah diedarkan sebelum mesyuarat agung dimulakan dan satu salinan senarai calon berkenaan hendaklah dipamerkan di tempat mesyuarat agung.

5. **Pengedaran Kertas Undi**

(1) Bagi sistem pengundian secara manual, kertas undi hendaklah disediakan dan diedarkan kepada anggota yang hadir. Hanya satu set kertas undi akan dikeluarkan bagi seorang anggota yang hadir mengikut senarai daftar kedatangan.

(2) Bagi sistem pengundian berkomputer, setiap anggota akan diberikan satu

nombor pengenalan peribadi (Personal Identification Number atau PIN) dan sistem komputer tersebut hanya membenarkan PIN ini digunakan sekali sahaja untuk pengundian.

6. **Cara Pengundian**

Seorang anggota boleh mengundi sebanyak bilangan calon anggota Lembaga yang kosong.

(1) Bagi sistem pengundian secara manual anggota hanya dikehendaki meletakkan tanda pangkah dalam ruangan yang disediakan untuk calon yang dipilih. Kertas undi hendaklah dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan.

(2) Bagi sistem pengundian berkomputer, anggota hendaklah memilih daripada senarai calon-calon seperti yang dipaparkan di atas skrin komputer.

7. **Pengiraan Undi**

Bagi sistem pengundian secara manual atau berkomputer, pengiraan undi hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga, sama ada anggota KOSMA atau bukan. Keputusan pengiraan yang disahkan oleh pengerusi jawatankuasa

adalah muktamad.

8. **Pemerhati**
Bagi sistem pengundian secara manual atau berkomputer, calon yang bertanding atau salah seorang wakilnya, yang mestilah anggota KOSMA, bolehlah dilantik sebagai pemerhati bagi pengiraan undi.

9. **Pengumuman Keputusan Oleh Pengerusi**
Pengerusi hendaklah mengumumkan nama-nama mereka yang menang dalam pemilihan ini. Keputusan Pengerusi mesyuarat dalam sebarang pertikaian berkenaan pemilihan Lembaga adalah muktamad.

10. **Kekosongan Dalam Lembaga**
Sebarang kekosongan dalam Lembaga mengikut undang-undang kecil 38 (5) bolehlah diisi oleh calon yang mempunyai undi tertinggi di kalangan calon-calon yang tidak berjaya dalam pemilihan anggota Lembaga, atau atas kegagalannya diisi oleh calon yang mempunyai undi tertinggi berikutnya.

11. **Pindaan dan Pembatalan**
Lembaga boleh dari semasa ke semasa membuat perakuan-perakuan yang

sewajarnya bagi pertimbangan Mesyuarat Agung untuk meminda atau membatalkan Peraturan Tetap ini bagi menjaga tata tertib semasa mesyuarat agung diadakan.

Jadual- Jadual dan Aturan- Aturan ini (pindaan) telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Khas KOSMA pada Sepuluh Haribulan Mei Tahun Dua Ribu Sembilan.



.....
DATO' HAJI ABDUL JABBAR BIN HAJI IBRAHIM
Pengerusi
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad



.....
DATO' HAJI ZAINAL BIN HASSAN
Timbalan Pengerusi
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad



.....
DATO' HAJI MOHD SUAH BIN HAJI BUROK
Setiausaha
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
